




مجلة اگريبيسنيس

Majalah
AgriBISNES

ISSN No: 2225-1413 Bil: 001 Terbitan Jun 2010-Dis 2010



تواین قادي دراج قرتام

First Royal Paddy Harvest

PADI LAILA



Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam

PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT KEHORMATAN DAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN

PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)		PINGAT KERJA LAMA (P.K.L.)	
1	Awang Haji Abd Hamid bin Haji Sawal (Pegawai Pertanian Kanan)	1	Dayang Hajah Lelawati binti Haji Azahari (Kerani)
2	Awang Mohammad Asli bin Haji Metussin (Penolong Pegawai Pemeliharaan Ternakan)	2	Dayang Rokam binti Haji Awang Landok (Pembantu Kerani)
PINGAT INDAH KERJA BAIK (P.I.K.B.)		3	Dayang Hajah Rambai @ Hajah Salmah binti Lamat (Buruh)
1	Awang Abd Manap bin Haji Jambul (Pembantu Pertanian)	4	Dayang Rohani binti Haji Zulkifli (Kerani)
2	Dayang Hajah Lelawati binti Haji Azahari (Kerani)	5	Awang Abdul Rahman bin Haji Mohd Idris (Pemeriksa Ternakan)
3	Awang Mohd Mee Lee bin Haji Abd Halim (Pembantu Pertanian)	6	Dayang Hajah Omai binti Haji Hassan (Buruh)
4	Awang Ladin bin Kapal (Pembantu Pertanian)	7	Awang Muslim bin Haji Lamit (Pembantu Pertanian Kanan)
5	Dayang Hajah Diah @ Masnah binti Haji Latip (Buruh Open Vote)	8	Dayang Azarinah binti Abdul Aziz (Pembantu Haiwan)
		9	Dayang Mahani binti Haji Mohd Tapa (Pembantu Haiwan)
		10	Dayang Hajah Diah @ Masnah binti Haji Latip (Buruh)

BERSARA

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1	Dayang Hajah Zainah binti Haji Tali	Buruh Bergaji Hari	20 Mei 2010
2	Dayang Tinggal binti Durahim	Buruh Bergaji Hari	04 Jun 2010
3	Awang Haji Abd Rahman bin Haji Simpol	Penyelenggara Stor Tingkat 1	05 Jun 2010
4	Awang Samsuddin bin Duraman	Pembantu Pertanian Rendah	06 Julai 2010
5	Awang Hasbullah bin Abdullah/Changat Malong	Penolong Pegawai Pemeliharaan Ternakan	26 Ogos 2010
6	Dayang Hajah Murbiah binti Haji Miharja	Buruh Bergaji Hari	12 September 2010
7	Dayang Rusiah binti Mujun	Buruh Bergaji Hari	01 Oktober 2010
8	Awang Mohd Noor bin Alim	Ketua Pembantu Teknik	28 Disember 2010
9	Awang Alihan bin Kurus	Buruh Bergaji Hari	31 Disember 2010
10	Dayang Nuraini binti Abdullah	Buruh Bergaji Hari	31 Disember 2010
11	Dayang Sidah binti Ahmad	Buruh Bergaji Hari	31 Disember 2010
12	Dayang Siti Ajar binti Sabtu	Buruh Bergaji Hari	31 Disember 2010

SEDANG MELANJUTKAN PELAJARAN

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Dayang Hajah Roainah binti Haji Abd Rahman Jurukimia Pertanian	PhD in Food Nutritional Sciences University of Reading, United Kingdom (Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh)
2	Awang Noor Azri bin Haji Mohamad Noor Pegawai Pertanian	MSc in Plant Bioscience for Crop Production University of Warwick, United Kingdom (Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh)
3	Dayang Noorayanti binti Haji Badaruddin Pegawai Pertanian	Master of Business in International Business Queensland University of Technology, Australia (Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh)
3	Awang Muhamad Sufriyadi bin Omar Ali Pembantu Makmal Rendah	BDTVEC National Diploma in Agriculture Science Sekolah Vokasional Wasan, Negara Brunei Darussalam (Skim Cuti Belajar Dalam Negeri)

جباتن قرتانين دان اكري ماكنن

Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan

Department of Agriculture And Agrifood



LEMBAGA PENYUNTING

Penasihat

Dyg Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah

Penolong Penasihat

Pengiran Hajah Rosidah binti Pengiran Haji Metussin

Awg Kuang bin Sitiim

Awg Haji Mohammad Sufri bin Abdullah

Dr Dabeding bin Haji Dullah

Dyg Fuziah binti Haji Hamdan

Awg Jamalludin bin Haji Mohd Yusoff

Dyg Hajah Khartini binti Haji Musa

Ketua Penyunting

Dyg Noorayanti binti Haji Badaruddin

Pengiran Hajah Sarimah binti Pengiran Haji Metali

Timbalan Ketua Penyunting

Awg Haji Sahrani bin Haji Mislee

Sidang Penyunting

Awg Latif bin Haji Sani

Awg Saidin bin Namit

Awg Abuzar bin Haji Mohd Tahir

Dyg Hajah Siti Raihani binti Abd Hamid

Dyg Nurhidayat binti Dato Paduka Dr Haji Ismail

Dr Ummi Fatimiah binti Haji Abd Rahman

Dyg Siti Sundussiah binti Haji Abdullah Sani

Kompilasi Artikel

Awg Mosli bin Haji Abdul Hadis

Dyg Hajah Rosnani binti Haji Awang Saili

Dyg Hariani binti Haji Tulang

Penyelaras Percetakan dan Penerbitan

Awg Haji Sahrani bin Haji Mislee

Awg Mosli bin Haji Abdul Hadis

Fotografi

Awg Khairulnasrin bin Haji Awang Besar

Awg Noor Azman bin Haji Abdul Latip

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam.**

Telefon: +673 2388000

Faksimili: +673 2382226

Email: info@agriculture.gov.bn

Laman web: <http://www.agriculture.gov.bn>

VISI

Ke Arah Agribisnis yang Mapan dan Berpandukan Pasaran

MISI

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memperkembangkan sektor agribisnis yang mapan dan kompetitif, dengan menumpukan kepada ciri-ciri kehalalan, keselamatan dan kualiti disamping memastikan sekuriti makanan bagi penduduk Negara Brunei Darussalam melalui:

- Penglibatan pengusaha pertanian dan agrimakanan;
- Penggunaan sumber-sumber yang optimum; dan
- Penggunaan teknologi yang efektif

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada bahan penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem simpanan yang boleh dikeluarkan semula atau dipancarkan, di dalam apa jua bentuk dan cara sama ada elektronik, mekanikal, salinan, rakaman dan lain-lain media yang berkaitan, tanpa kebenaran dari penerbit terlebih dahulu.

Dicetak oleh: **Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd.**

8-10



SUDUT INFO

- Pelan Strategik 2023 Bagi Memacu Agribisnis Negara Ke Tahap Penghasilan Kasar B\$ 2.7 Bilion

11-19

FOKUS AKTIVITI: PADI

- Majlis Mengatam Padi Ke Arah Pengeluaran Beras Secara Mekanisasi dan Berteknologi Tinggi
- Majlis Mengatam Padi Projek Kerjasama Dua Hala Brunei dan China
- Majlis Hari Terbuka Sekolah Perladangan Pengusaha Padi (RFFS)
- Majlis Pelancaran Penanaman Padi Kajian Kerjasama Antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea
- Majlis Mengatam Padi Hibrid
- Seminar Cara Pengurusan dan Pemeliharaan Pertumbuhan Padi Laila
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia



Lancar Pembukaan Kawasan Kemajuan Pertanian

- Majlis Mengatam Padi Kawasan Kemajuan Pertanian, Projek Penanaman Padi Junjungan 1 dan Limau Manis
- Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Lawat Ladang Dilanda Banjar

20-36



PERISTIWA

- Ekspo Produk Halal Antarabangsa Brunei 2010 Capai Kejayaan
- Bengkel Industri Halal BIMP-EAGA Bermula di Brunei Darussalam
- Majlis Kempen Penanaman Buah-Buahan
- Ceramah Motivasi Keusahawanan Pertanian Sempena Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke 64 Bagi Daerah Tutong
- Majlis Ceramah Motivasi Keusahawanan Pertanian Dalam Perspektif Islam
- Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Konsultansi
- Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan Muzakarah
- Majlis Ramah Mesra Aidilfitri dan Majlis

Perpisahan Bekas Pengarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

- Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2010
- Malam Penghargaan Sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2010
- Majlis Kempen Penanaman Buah-Buahan Asli Tempatan Bagi Ladang-Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) Di Daerah Belait
- Majlis Meraikan Peserta Ekspedisi 'Bridging Brunei Darussalam to the World 2010'
- Bengkel Persijilan BRUNEI HALAL
- Majlis Penandatanganan Perjanjian Dengan Syarikat Australia 20 Disember 2010
- Brunei: Pendidikan Untuk Penjenamaan dan Pemasaran Islam

37-49

RENCANA

- Projek Jenama Brunei Halal dan Pembentukan Logo Halal Baru
- Mencipta Logo Halal Baru
- Penguatkuasaan Kuarantin Tumbuhan Pertanian
- Kawalan Keselamatan Makanan
- Tanah Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP)



- Perkhidmatan Kesihatan Haiwan Di Negara Brunei Darussalam

51-58

PERKHIDMATAN PERTANIAN

- Kajian Pemasaran Bagi Produk Pertanian Di Negara Brunei Darussalam
- Pengkulturan Eksplan Nenas Yang Berjaya Dibiakkan
- Harga Subsidi Insentif Pertanian
- Khidmat Dokongan Unit Lepas Tuai dan Teknologi Makanan
- Kajiselidik Awal Dan Koleksi Tumbuhan - Tasik Merimbun



59

SUMBER TENAGA MANUSIA

- Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan dan Bintang-Bintang Kebesaran
- Bersara
- Sedang Melanjutkan Pelajaran

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
dan Salam Sejahtera



Segala puji-pujian dan ucapan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurniaNya jua, majalah "AgriBISNES Bil. 1: Jun-Disember 2010" terbitan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ini dapat diterbitkan julung-julung kalinya.

Majalah ini telah disusun dan diterbitkan sebagai salah satu wadah bagi perkongsian dan penyebaran maklumat mengenai sebahagian daripada peranan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui pendedahan dan penonjolan aktiviti-aktiviti Jabatan Pertanian dan Agrimakanan khususnya. Ianya diharapkan menjadi satu pendorong bagi mereka yang terlibat di dalam industri pertanian dan agrimakanan sama ada pihak Kerajaan mahupun pihak swasta untuk bergiat dengan lebih cergas selaras dengan matlamat untuk meningkatkan pengeluaran produk-produk dari sektor agribisnis untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Penerbitan ini diharapkan berupaya merekodkan apajua aktiviti dan sumbangan penulisan sama ada berbentuk ilmiah atau isu semasa serta idea yang bernas dari wargakerja Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk disebarluaskan kepada pengusaha-pengusaha dan orang ramai. Selain itu, diharapkan segala isi kandungan penerbitan AgriBISNES ini dapat diambil manfaat oleh para pembaca khususnya mereka yang berminat mengikuti perkembangan industri pertanian dan agrimakanan di Negara Brunei Darussalam ini. Semoga penerbitan sulung majalah ini akan mendorong kepada penerbitan-penerbitan penulisan berbentuk ilmiah dan penyelidikan di masa akan datang.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan kerana dapat mengungkapkannya sebuah penerbitan yang penuh dengan informasi, menarik dengan rekabentuk baru dan menepati citarasa semasa. Semoga sumbangan yang positif ini akan berterusan demi kesinambungan penyebaran informasi mengenai perkembangan, pembangunan dan kemajuan industri pertanian dan agrimakanan khususnya dan memberi manfaat kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam pada amnya. Semoga Allah S.W.T memberkati usaha murni kita dalam menggali nikmat dan rezeki dari kurnia bumi yang subur di Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

والسلام

PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA
(Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar)
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam

MESEJ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
dan Salam Sejahtera



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya jua penerbitan majalah "AgriBISNES Bil. 1: Jun-Disember 2010" dapat direalisasikan dan ditatap oleh para pembaca semua, selain dari kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, tetapi juga para pengusaha pertanian serta orang ramai.

Penerbitan kali pertama ini diharapkan akan menjadi langkah permulaan kepada sebuah kerja seni atau penerbitan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan gaya terkini sesuai dengan perubahan zaman dan arus permodenan. Pihak sidang penyunting telah berjaya menghidangkan satu pelan rekabentuk yang menarik dari segi penerbitannya.

Saya berharap penerbitan majalah AgriBISNES ini akan terus memberi informasi-informasi terkini dengan memberi tumpuan kepada bidang-bidang pertanian dan agrimakanan yang dapat menjana pengeluaran makanan dan meningkatkan tahap ekonomi negara kita. Ini akan dapat menarik para penuntut dan orang ramai untuk berkecimpung dalam bidang pertanian dan agrimakanan.

Adalah diharapkan apa yang dipaparkan akan memberikan maklumat yang positif dan berkesan kepada semua pembaca. Oleh itu tidaklah mustahil, majalah Agribisnis akan menjadi bahan bacaan ditunggu-tunggu penerbitannya setiap tahun.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan pada amnya dan sidang penyunting majalah AgriBISNES, khususnya. Semoga Allah S.W.T sentiasa melimpahkan rahmatNya kepada kita semua.

والسلام

Dato Paduka Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah
Setiausaha Tetap
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah, berkat dengan izin-Nya jua akhirnya penerbitan sulung majalah "AgriBISNES Bil. 1: Jun-Disember 2010" ini dapat diterbitkan. Majalah AgriBISNES ini, Insyallah, akan muncul sebagai sebuah penerbitan tambahan di Negara Brunei Darussalam yang akan memberi manfaat dan ilmu pengetahuan kepada para pembacanya termasuklah mereka yang bergiat di dalam industri pertanian dan agrimakanan, para penuntut, kakitangan Kerajaan dan pihak swasta serta orang ramai di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, majalah AgriBISNES ini diharapkan dapat menjadi salah satu dokumen asas yang penting untuk merakamkan sebahagian dari program pelaksanaan yang dilakukan oleh warga kerja Jabatan Pertanian dan Agrimakanan iaitu sebagai pendedahan kepada sebahagian dari pencapaian perancangan Kementerian.

Diucapkan Selamat Berkarya kepada pihak penyunting majalah AgriBISNES semoga berkat usaha kita ini dapat mencapai hasrat misi dan visi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada amnya dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan khususnya.

Akhir kata, sekali lagi tahniah kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di atas usaha mereka menerbitkan majalah yang penuh informasi dan bermanfaat ini. Semoga usaha ini memperolehi keberkatan Allah S.W.T jua.

والسلام

Dyg Hajah Normah Suria Hayati binti PJDSMDSU (Dr) Awg Haji Mohd Jamil Al-Sufri

Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama)
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam



KATA PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dengan berkat dan hidayah Allah S.W.T, penerbitan sulung majalah "AgriBISNES Bil. 1: Jun-Disember 2010" akhirnya dapat diungkayahkan dan diterbitkan. Penerbitan majalah AgriBISNES ini disusun sebegitu rupa untuk dijadikan sebagai ristaan terhadap peristiwa-peristiwa yang telah dirakamkan untuk menjadi panduan melalui rencana-rencana yang disiarkan dan menyebarkan aktiviti kerja kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Syabas dan terima kasih kepada kakitangan penerbitan yang telah bersatu hati, pendapat dan tenaga untuk menghasilkannya sebagai salah satu sumber utama rujukan para *stakeholder* industri pertanian dan agrimakanan di negara ini khasnya serta para pembaca di luar sana amnya.

Niat yang ikhlas sebelum melakukan pekerjaan, fikiran yang positif terhadap sebarang perubahan dan semangat kekitaan yang tinggi dalam menghadapi segala cabaran adalah ciri-ciri yang perlu diamalkan dalam melaksanakan tugas untuk menggarap kecemerlangan yang dicita-citakan. Kualiti isi kandungan dan rekabentuk adalah tercetus dari komitmen dan input yang telah diberikan oleh setiap dari mereka yang terlibat dalam pembikinan majalah AgriBISNES ini.

Akhirnya, saya ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang telah terlibat dengan penuh dedikasi dalam merealisasikan penerbitan majalah AgriBISNES ini. Selamat Berjaya dan semoga Allah mengurniakan ilham yang lebih jitu dan kreatif lagi dalam penerbitan akan datang.

والسلام

Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah

Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam



CERITA MUKA DEPAN

TUAIAN PADI DIRAJA PERTAMA

"Allahumma Ya Allah, sekiranya rezeki kami ada di langit, maka turunkanlah ia, sekiranya ada di bumi maka keluarkanlah ia, sekiranya ada kepayahan maka mudahkanlah ia, sekiranya ianya jauh, maka dekatkanlah ia, sekiranya sedikit maka banyakkanlah ia. Ya Allah Ya Tuhan kami, berkatilah kami dan negara kami padanya," demikianlah titah dan doa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda merasmikan 'Majlis Menuai Padi Laila 2009' di Kawasan Kemajuan Pertanian, Wasan pada 3 Ogos 2009.

Turut berangkat sama di majlis berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis ini adalah merupakan kesinambungan daripada Pelancaran Penanaman Padi Ke Arah Mencapai Sara Diri Pengeluaran Beras di Negara Brunei Darussalam yang mana juga telah dirasmikan oleh Baginda pada 27 April 2009, di tahun yang sama. Majlis ini menandakan peri mustahaknya Negara Brunei Darussalam memulakan program peningkatan pengeluaran beras domestik bagi mencapai tahap saradiri yang merupakan salah satu pendorong dalam usaha memajukan bidang pertanian di negara ini. Majlis ini juga telah disaksikan secara lintas langsung oleh penduduk di negara ini. Keberangkatan Baginda bercemar Duli turun ke sawah untuk menuai padi ini telah menyemarakkan semangat penjana-penjana makanan negara untuk sama-sama berjuang ke arah memantapkan usaha menjamin sekuriti makanan negara.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menanam padi secara tradisional menggunakan tangan



Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedang menguji mesin penabur biji padi (drum seeder)



Beras Laila

COVER STORY

FIRST ROYAL PADDY HARVEST

"O Allah, O Allah, if our sustenance is in the sky, bring it down, if it's in the earth, then bring it out, if there are difficulties, give us ease, if it's far away, make it nearer, if there is little, then make it abundance. O Allah, O Lord, bless us and bless our country," This was part of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam's titah and prayer during the launching of 'Laila Harvesting Ceremony 2009' held on the 3rd August 2009 at the Agriculture Development Area, Wasan.

In the ceremony, His Majesty was accompanied by His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, His Royal Highness Prince Mohamed Bolkiah, His Royal Highness Prince Haji 'Abdul 'Azim, His Royal Highness Prince Haji 'Abdul Malik and His Royal Highness Prince 'Abdul Mateen.

The ceremony was held as a follow-up of the launching of rice planting towards achieving self-sufficiency in rice production in Brunei Darussalam which was also officiated by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam on the 27th April of the same year. This ceremony signified the importance for Brunei Darussalam to initiate the efforts on increasing the domestic rice production in order to reach the targeted self-sufficiency level. This initiative is also considered as one of the driving forces in the effort to develop the agricultural sector. This ceremony was telecasted live via Radio Television Brunei (RTB) and was watched by thousands of people of Brunei Darussalam. His Majesty's presence at the ceremony for the planting and harvesting ceremonies has revitalized the spirits of the national food producers and the farmers towards the strengthening of our efforts in assuring the national food security.



Gambar-gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia di sekitar majlis menuai padi Laila




Disediakan oleh:
Dyg Khairunnisa binti Awg Haji Omar Ali
Msc in Crop Improvement
Unit Pembangunan Padi dan Tanaman Ladang
Bahagian Pembangunan Tanaman

PELAN STRATEGIK 2023

BAGI MEMACU AGRIBISNES NEGARA KE TAHAP PENGHASILAN KASAR B\$ 2.7 BILION



Taman Agroteknologi Brunei menurut lakaran artis



Dalam inisiatif baru Kerajaan, program pelaksanaan strategik telah pun dirumuskan bertujuan untuk meningkatkan penghasilan pertanian tempatan kepada B\$635 juta pada tahun 2015 dan akan mencapai B\$2.7 bilion dalam sepuluh tahun akan datang 2023.

Menjana pertumbuhan agribisnes berskala besar serta agribisnes berorientasi eksport seperti industri pemprosesan makanan, adalah fokus utama dalam agenda 20 tahun mendatang sebagai perangsang bagi mencapai cita-cita ini.

Pelan Strategik 2023 telah dilancarkan pada hari Sabtu, 10 Oktober 2009, di mana langkah-langkah bagi memacu agribisnes negara dirumuskan sebagai panduan. Strategi-strategi ini ada digariskan dalam Buku 'Pelan Strategik: Program Pelaksanaan Jangkamasa Sederhana (2008-2013)', di mana antara lain projek utama pertanian yang dirumuskan adalah usaha negara



Menanam varieti-varieti padi baru yang dapat mengeluarkan hasil tinggi

dalam mengukuhkan penghasilan beras ke tahap sara diri.

Salah satu daripada rancangan strategik utama adalah untuk meningkatkan dan memantapkan kewangan pelaburan sektor awam dan swasta iaitu dengan menumpukan sumber kewangan yang ada kepada usaha mempermudah pembangunan agribisnes supaya membawakan impak yang berkesan serta merangsang pertumbuhan sektor agribisnes.

Strategi ini juga menggariskan rancangan bagi peningkatan pemasaran produk-produk agribisnes Negara Brunei Darussalam. Kajian terperinci terhadap pasaran sedia ada akan memberikan maklumat yang sangat penting mengenai permintaan produk-produk dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.



Pengeluaran produk-produk agrikamakanan tempatan yang berkualiti dan menarik

Salah satu inisiatif Brunei Halal

Perkembangan kegiatan agribisnes ini merangkumi aktiviti perladangan, pembuatan dan pembekalan peralatan pertanian serta bisnes pemprosesan makanan berorientasikan eksport berskala besar, ada ditekankan dalam strategi jangkamasa sederhana.

Menurut Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, keuntungan dan pulangan yang rendah ditambah dengan kos pengeluaran yang tinggi adalah tidak begitu menarik bagi generasi muda. Tambahan lagi, barangan import yang kompetitif dan cabaran 'comparative surplus' tidak memperbaiki situasi ini. Menurut pelan strategik ini, Negara Brunei Darussalam tidak mempunyai kelebihan dalam menghasilkan komoditi primer.

Dengan pemikiran ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah memperkenalkan jenama 'Brunei Halal' sebagai salah satu usaha untuk memaksimumkan potensi Negara Brunei Darussalam dalam pasaran utama dunia serta sebagai pelengkap kepada sektor agribisnes dan selari dalam merangsang aktiviti pemprosesan makanan. Fokus strategi ini ialah untuk memantapkan lagi kelebihan yang ada dalam pengeluaran produk-produk tempatan. Yang amat penting, ini akan membukakan peluang perniagaan dan perkerjaan kepada anak-anak tempatan.

Pada masa ini, seramai 5,039 orang pengusaha aktif berdaftar dalam agribisnes tempatan yang merangkumi industri ternakan, tanaman dan pemprosesan makanan dengan melibatkan kawasan seluas 8,142.91 hektar. Dari jumlah ini, 704 orang bergiat dalam industri ternakan (3,617.84 hektar), 4,131 orang dalam tanaman (4,525.07 hektar) dan 204 orang dalam bisnes agrikamakanan.

Pelan ini juga menekankan empat projek utama iaitu pembangunan industri padi, pembangunan Jenama Brunei Halal, pembangunan industri ternakan dan industri agrikamakanan. Usaha pembangunan yang lain

termasuklah peningkatan dalam penghasilan sayur, buah-buahan, bunga-bunga dan tanaman hiasan, ubat-ubatan tradisional, bioteknologi dan lain-lain komoditi.

Pelan strategik ini juga memfokuskan kegiatan yang bertujuan untuk mengembangkan lagi industri pertanian dan agrimakanan ke arah produktiviti tinggi, berskala besar, berorientasi eksport dan berkualiti tinggi dengan pengeluaran tambah nilai.

Melalui misi terbaru ini, sektor pertanian tidak hanya akan bergantung kepada pengeluaran komoditi primer yang amat intensif kepada tenaga buruh, tetapi juga kepada peluang-peluang dalam agribisnes yang akan memberi manfaat seperti sektor pemprosesan dan lain-lain aktiviti industri skunder.

Sumbangan pertanian kepada ekonomi negara adalah sangat penting, walaupun pada masa ini ianya hanya pada tahap minimal. Penglibatan sektor swasta dalam bidang agribisnes adalah mustahak dalam merealisasikan kehendak dan matlamat negara tersebut.

Pada tahun 2010, penghasilan pertanian adalah sebanyak B\$228.43 juta, Di mana, pengeluaran ternakan berjumlah B\$131.99 juta, tanaman berjumlah B\$42.68 dan agrikamakanan berjumlah B\$53.76 juta. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menjalankan penelitian terhadap komoditi-komoditi pertanian yang berpotensi untuk dimajukan dan menetapkan beberapa industri pengeluaran komoditi untuk diberikan keutamaan berdasarkan kepada potensi sumbangan kepada ekonomi pertanian selain daripada pengeluaran padi yang dapat menyumbang kepada keselamatan makanan negara.



Ayam pedaging menggunakan sistem tertutup

Oleh yang demikian usaha dan pembukaan peluang-peluang menjurus kepada penghasilan berorientasi eksport akan diterokai bagi pengeluaran ternakan, sementara bagi komoditi tanaman yang terdiri daripada buah-buahan, sayur-sayuran, beras dan bunga-bunga perlu menumpukan kepada penghasilan yang berkualiti tinggi dan selamat di mana ini adalah strategi bagi negara ini supaya dapat bersaing di pasaran global.

Dengan hasrat yang sangat tinggi, sektor pertanian dan agrimakanan dalam masa dua dekad akan datang dijangka dapat menjana hasil pendapatan kira-kira B\$634.75 juta pada jangkamasa sederhana tahun 2015 dan B\$2.7 bilion pada tahun 2023. Dengan pendapatan kasar hasil pertanian berjumlah B\$228.43 juta pada tahun 2010, ini bermakna bahawa Negara Brunei Darussalam perlu meningkatkan pengeluaran sebanyak 178% menjelang 2015.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan melaksanakan pelan jangkamasa sederhana dengan mengambilkira sasaran 2015 bagi fasa pertama pelaksanaan pelan strategik ini. Oleh itu, peningkatan sebanyak 178% sepertimana yang dijelaskan dalam program pelaksanaan strategik adalah bergantung kepada perkara-perkara berikut:

- Untuk mencapai peningkatan sebanyak 555% dalam produk proses pertanian iaitu daripada B\$53.70 juta pada tahun 2010 kepada B\$352 juta pada tahun 2015. Program yang dilaksanakan bagi mencapai sasaran ini adalah sangat bergantung kepada program jenama 'Brunei Halal' di mana, populasi bagi pasaran global produk halal kini terdiri daripada 1.9 bilion. Penggunaan jenama 'Brunei Halal' dalam produk proses asas ternakan dan tanaman akan menyumbang kepada pendapatan negara melalui bayaran royalti dan pendaftaran. Dengan inisiatif ini, pendapatan negara adalah dianggarkan meningkat sebanyak B\$350 juta menjelang 2013. Bagi fasa pertama projek ini 50 lot tapak telah disediakan bagi pelaburan dalam sektor agrimakanan di kawasan Taman Agroteknologi di Tungku Gadong. Penghasilan sebuah kilang pengeluaran dijangkakan akan mencapai dalam kadar B\$2-5 juta setahun.
- Untuk meningkatkan pengeluaran dalam sektor tanaman daripada B\$42.7 juta dalam tahun 2010 kepada B\$125 juta pada tahun 2015, memerlukan peningkatan sebanyak 193%. Komoditi utama dalam sektor ini ialah padi, sayur-sayuran dan buah-buahan disamping itu sektor ini juga terdiri daripada bunga-bunga dan tanaman hiasan. Rancangan peningkatan sektor ini bersandarkan kepada perancangan peningkatan hasil ladang-ladang dan kempen penanaman buah-buahan asli tempatan. Dalam program ini semua pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain tanaman mestilah berkualiti tinggi dan selamat untuk dimakan dan dihasilkan daripada ladang-ladang yang diiktiraf. Pengeluaran beras pula perlu mencapai tahap 60% pada tahun 2015, ini adalah berdasarkan penggunaan varieti padi moden dengan purata hasil 3 - 4mt sehektar dan penanaman 2 pusingan setahun (6-8mt sehektar setahun).

- Untuk meningkatkan pengeluaran ternakan sebanyak 19 peratus iaitu dari B\$131.6 juta pada tahun 2008 kepada B\$157 juta pada tahun 2013. Peningkatan pengeluaran daging ayam dan telur ayam dua kali ganda untuk pasaran eksport akan dijangka mengeluarkan hasil berjumlah kira-kira B \$200 juta, iaitu jauh melebihi sasaran tahun 2013.

Di antara projek yang akan dilaksanakan untuk mencapai sasaran jangkamasa sederhana adalah:

- Projek konsultasi bagi penyediaan pelan induk pembinaan Pusat Pembangunan Makanan.
- Projek konsultasi bagi pembinaan inkubator pemprosesan makanan untuk SME makanan tempatan Brunei Darussalam Fasa 1.
- Bengkel membentuk peta jalan (*roadmap*) bagi pembangunan aktiviti agrimakanan.
- Memaksimumkan tonggak keuntungan produk pertanian Negara Brunei Darussalam yang diikuti dengan 'Pelancaran Kelompok Jenama Produk Pertanian'.
- 'Pencarian sumber' penganalisaan makanan (*vitamins*) bertempat di makmal-makmal terkemuka dan diiktiraf.
- Projek konsultasi bagi pemprosesan makanan dan pembangunan produk makanan untuk SME tempatan.

Di antara perkhidmatan yang akan menyumbang kepada peningkatan dalam pengeluaran pertanian adalah:

- Perkhidmatan makmal dan khidmat nasihat yang diberikan oleh Jabatan;
- Pelaksanaan langkah-langkah kawalan mutu keselamatan oleh pihak Jabatan yang memberikan pengusaha tempatan faedah kompetitif;
- Aplikasi Amalan Perkilangan yang Baik (GMP) dan pengenalan kepada Program Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) kepada pengusaha makanan tempatan, yang menjadikan mereka kompetitif di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pelan fasa kedua akan berpandukan kepada pencapaian fasa pertama dan hasil daripada fasa pertama ini akan dinilai semula dan perancangan strategik akan diselaraskan dengan mengambilkira komoditi yang boleh dimajukan dan berdayasaing di pasaran global.

MAJLIS MENGATAM PADI KE ARAH PENGELUARAN BERAS SECARA MEKANISASI DAN BERTEKNOLOGI TINGGI

30 Jun 2010



Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama mencuba sendiri menuai padi dengan menggunakan mesin pemotong padi secara mekanikal

Majlis Mengatam Padi Ke Arah Pengeluaran Beras Secara Mekanisasi Dan Berteknologi Tinggi telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada hari Rabu, 17 Rejab 1431 bersamaan 30 Jun 2010 bertempat di Kawasan Kemajuan Projek Penanaman Padi Batong, Kampong Batong, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar, Setiausaha Tetap I, Yang Mulia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap II, Yang Mulia Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pengarah Penerangan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-

pegawai kanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, peladang-peladang serta penuntut-penuntut dari Sekolah Vokasional Wasan dan Pusat Pembangunan Belia.

Di majlis itu, Yang Berhormat Pehin telah berkesudian mengatam padi bagi menandakan bermulanya kerja-kerja mengatam padi di kawasan berkenaan yang berkeluasan kira-kira 170 hektar dan telah diusahakan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Penanaman padi di kawasan tersebut telah bermula pada 15 Mac 2010 yang lalu.

Projek tersebut juga adalah merupakan sebuah projek usahasama melalui Program Kerjasama Projek Penanaman Padi antara *Yulin Municipal Government*, Wilayah Quangxi, Republik Rakyat China dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Majlis Mengatam Padi Projek Kerjasama Dua Hala BRUNEI DAN CHINA

9 Ogos 2010



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bersama Tuan Yang Terutama Min Yongnian Duta Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam ketika mengatam padi projek usahasama dua hala Brunei dan China

Majlis Mengatam Padi Kerjasama Dua Hala di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah diadakan di Kawasan Kemajuan Projek Penanaman Padi Batong, Kampong Batong, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam pada hari Isnin, 28 Syaaban 1431 bersamaan 9 Ogos 2010.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. Turut hadir di majlis tersebut ialah Duta Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Min Yongnian, Yang Mulia Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar, Setiausaha Tetap I, Yang Mulia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap II, Yang Mulia Pengiran Datin Paduka Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan

Agrimakanan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini adalah merupakan acara susulan daripada majlis penanaman padi menggunakan teknologi dari Republik Rakyat China pada 4 Mei 2010 di tempat yang sama. Sebanyak 10 varieti padi telah dikaji iaitu 9 varieti dari China dan 1 varieti tempatan (Laila). Beberapa teknik penanaman telah diubahsuai untuk menyesuaikan dengan keadaan persekitaran seperti teknik pengairan, peningkatan tekstur tanah dan teknik pindahtanam untuk memastikan pertumbuhan tanaman padi dapat dicapai ke tahap optima.

Dengan adanya persefahaman dan pelbagai program seumpama ini maka hasrat Jabatan untuk meningkatkan tahap pengeluaran padi akan menjadi kenyataan mengikut perancangan yang telah diatur dan disasarkan.

MAJLIS HARI TERBUKA

SEKOLAH PERLADANGAN PENGUSAHA PADI (RFFS) 10 Ogos 2010



Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melawat ke sebuah ladang padi peserta yang menyertai Sekolah Perladangan Pengusaha Padi dan menyaksikan pameran kegiatan yang berkaitan dengan pembelajaran yang diajar

Para jemputan yang terdiri daripada peserta yang pernah mengikuti pembelajaran yang dikendalikan oleh Sekolah Perladangan Padi Negara Brunei Darussalam



Pada 29 Syaaban 1431 bersamaan 10 Ogos 2010 yang lalu telah berlangsung Majlis Hari Terbuka Sekolah Perladangan Pengusaha Padi atau *Rice Farmers Field School (RFFS)* bertempat di Sekolah Vokasional Wasan, Kampong Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei-Muara.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Tetamu Kehormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Charge d'Affaires Kedutaan Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam Puan Celeste Vinzon-Balatbat, Yang Mulia Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar, Setiausaha Tetap I, Yang Mulia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap II, Yang Mulia Pengiran Datin Paduka Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Ketua-Ketua

Jabatan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, pegawai dan kakitangan Sekolah Vokasional Wasan, pegawai-pegawai dari Kedutaan Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam, penghulu dan ketua-ketua kampung serta pengusaha-pengusaha padi dari ke empat-empat daerah.

Majlis tersebut adalah merupakan sebahagian dari aktiviti di dalam penubuhan Sekolah Perladangan Pengusaha Padi, satu projek kerjasama antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina. Ianya bertujuan untuk memperlihatkan kegiatan yang dijalankan melalui pemerhatian dan ujian di ladang atau *field observation and experiment* dan pencapaian yang diperolehi hasil dari penggunaan kaedah sistem semaian padi.

Majlis Pelancaran Penanaman Padi Kajian Kerjasama Antara NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK KOREA

15 September 2010



Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menaiki jentera menanam padi secara mekanisasi (paddy transplanter) yang boleh menjimatkan masa dan tenaga



Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dibawa melawat jentera-jentera yang digunakan dalam penanaman padi di kawasan berkenaan

Majlis Pelancaran Penanaman Padi Kajian Kerjasama Antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea telah diadakan di Kawasan Kemajuan Pertanian Projek Penanaman Padi Panchor Murai, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam pada hari Rabu, 6 Syawal 1431 bersamaan 15 September 2010.

Tetamu Kehormat majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Duta Besar Republik Korea di Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Kim Dae Sik, Yang Mulia Pengiran Datin Paduka Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin, Pemangku Setiausaha Tetap II, Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Mr. Song Dong Soo, Pengerusi Syarikat Landevel Company Limited, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-

Sumber Utama serta pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Kawasan-kawasan padi yang berkeluasan 200 hektar ini akan diusahakan melalui kerjasama antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan Syarikat *Landevel Company Limited Sdn Bhd*. Lanya bertujuan untuk melaksanakan kerja-kerja kajian dalam pengurusan padi menggunakan teknologi dari Republik Korea khususnya rekabina sistem pengairan dan saluran yang boleh dijadikan contoh dan digunapakai oleh pengusaha-pengusaha tempatan.

Pada peringkat fasa pertama ini, seluas 50 hektar akan diusahakan dan sebanyak 16 varieti padi akan diujicuba di kawasan ini yang mengandungi 5 varieti dari Republik Korea, 5 varieti dari Kemboja, 2 varieti dari Thailand, 1 varieti dari Vietnam dan 3 varieti (Laila, Pusu dan Adan) dari Negara Brunei Darussalam.

Di kawasan ini, pengurusan ladang seperti meradu tanah, menanam dan penyediaan sediaan, semuanya dilakukan secara mekanisasi dan menggunakan teknologi terkini. Varieti-varieti berkenaan dianggarkan akan menghasilkan kira-kira 3.5 metrik tan untuk sehektar.

MAJLIS MENGATAM PADI HIBRID 18 September 2010



Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama meneliti padi hibrid yang baru dituai



Padi hibrid yang telah matang dan sedang dituai dengan menggunakan jentera combine harvester



Majlis Mengatam Padi telah diadakan di Kawasan Kemajuan Pertanian Projek Penanaman Padi Wasan, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam pada hari Sabtu, 9 Syawal 1431 bersamaan 18 September 2010.

Tetamu Kehormat majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura di Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Mr. Joseph Koh, Yang Mulia Pengiran Datin Paduka Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin, Pemangku Setiausaha Tetap II, Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Yang Mulia Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Yunus, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Hajah Aidah bin Haji Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, penghulu dan ketua-ketua kampung serta pengusaha-pengusaha padi.

Majlis ini adalah kesinambungan kepada Majlis Pelancaran Program Pembangunan Padi Hibrid di Negara Brunei Darussalam yang telah dilancarkan pada 17 September 2009 lalu di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas, yang mana ianya adalah projek kerjasama antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan Syarikat SunLand Agri-Tech dari Republik Singapura.

Projek yang telah diusahakan oleh 7 orang pengusaha padi dari Mukim Pengkalan Batu ini adalah sebagai ladang contoh untuk mengkaji kesesuaiannya di ladang pengusaha-pengusaha padi di samping memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha padi yang terlibat dalam projek ini untuk mempelajari teknik-teknik pengurusan padi hibrid yang mana sistem pengurusannya adalah berbeza dengan yang lazim mereka amalkan.

Padi hibrid ini berpotensi menghasilkan 8-10 tan metrik sehektar dengan pengurusan yang teratur dan bersistematik. Lanya juga adalah usaha Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ke arah mengenalpasti dalam meningkatkan hasil pengeluaran tempatan dan seterusnya mencapai ke tahap saradiri seperti yang disasarkan.

SEMINAR CARA PENGURUSAN DAN PEMELIHARAAN PERTUMBUHAN PADI LAILA

20 September 2010

Pemangku Pengarah Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah telah merasmikan Seminar Cara Pengurusan Dan Pemeliharaan Pertumbuhan Padi Laila pada 11 Syawal 1431 bersamaan 20 September 2010 yang lalu bertempat di Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam.

Dalam ucapan perasmianya beliau telah menegaskan bahawa ancaman kekurangan makanan yang telah berlaku beberapa tahun lalu telah membangkitkan kesedaran akan peri mustahaknya bagi setiap negara di dunia ini untuk mempunyai program pelaksanaan peningkatan makanan ruji (*staple food*).



Peladang Padi Daerah Temburong ketika mendengar seminar mengenai cara mengawal Padi Laila mengikut pertumbuhan dan turut hadir ialah sebahagian daripada pelatih dari Sekolah Vokasional Wasan (berbaju hijau)

Katanya lagi, Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam mengambil langkah drastik untuk merubah lanskap pengeluaran makanan domestiknya melalui usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Maka dengan itu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah meningkatkan usaha mengembeleng tenaga untuk mencapai sasaran pengeluaran beras negara melalui program pembinaan kapasiti yang mantap, penggunaan sumber yang efektif dan pembangunan prasarana yang bersesuaian dan mengikut arus perkembangan teknologi terkini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Yang Mulia Awang Osamu Ito, Pengurus Am *Mitsubishi Corporation*, Yang Mulia Awang Katsuto Lijikima, Pakar Pertanian Syarikat *Mitsubishi Corporation*, Penolong-Penolong Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, para pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan pengusaha-pengusaha padi di Daerah Temburong.

Menurut beliau, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengalu-alukan penglibatan sektor swasta dan pakar-pakar asing untuk sama-sama menyumbang kepada program peningkatan pengeluaran beras negara melalui perkongsian kerjasama sumber manusia, teknologi dan Pengetahuan. Seminar pada hari itu juga adalah kerjasama teknikal bersama syarikat dari Jepun, *Mitsubishi Corporation* dan ianya hasil dari ujikaji penanaman padi Laila oleh syarikat tersebut yang bermula pada bulan November 2009 di Kampong Senukoh, Temburong.



Mr Katsuto Iijima, pakar pertanian jemputan menyampaikan demonstrasi cara-cara memilih benih padi yang baik kepada peladang padi di daerah Temburong

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

LANCAR PEMBUKAAN KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN 26 Oktober 2010

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menyempurnakan Majlis Pelancaran Pembukaan Kawasan Kemajuan Pertanian, Projek Penanaman Padi Batang Perhantian pada 26 Oktober 2010 (Selasa) yang lalu.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut menjunjung Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Mulia Dato Paduka Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Awang Mohd-Riza bin Dato Paduka Haji Yunus, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Yang Mulia Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Di majlis ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan untuk menandatangani plak pelancaran serta menyaksikan kerja-kerja pembukaan kawasan bagi menandakan pelancaran pembukaan kawasan berkenaan.

Kawasan Kemajuan Pertanian Projek Penanaman Padi Batang Perhantian yang berkeluasan kira-kira 70 hektar ini akan diusahakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta peladang-peladang dan akan dimajukan sepenuhnya dengan menggunakan mekanisasi dan penggunaan teknologi tinggi dan terkini dalam penanaman padi. Di samping itu, 20 hektar lagi kawasan di Sekolah Vokasional Wasan juga dibuka oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk diusahakan oleh penuntut-penuntut sekolah tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya dijunjung berangkat menyaksikan pameran mengenai kawasan-kawasan baru dibuka yang telah dikenalpasti di Daerah Brunei Muara dan seterusnya menyaksikan pameran pengurusan penanaman padi.



Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke tapak Kemajuan Pertanian Projek Penanaman Padi Batang Perhantian dijunjung oleh Dato Paduka Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menandatangani plak pelancaran pembukaan kawasan kemajuan Pertanian Projek Penanaman Padi Batang Perhantian, Wasan



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneliti buku manual yang bertajuk "Sistem Semakan Padi bagi Padi Paya" yang diterangkan oleh Fuziah binti Haji Hamdan, Ketua Bahagian Pembangunan Tanaman

MAJLIS MENGATAM PADI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN, PROJEK PENANAMAN PADI JUNJUNGAN 1 DAN LIMAU MANIS 16 November 2010



Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memerhatikan padi yang baru saja di tuai dan dimasukkan ke dalam kenderaan bagi proses pengeringan selanjutnya

Pada 16 November 2010 yang lalu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah berkesudian mengatam padi bagi menandakan bermulanya kerja-kerja mengatam padi di Kawasan Kemajuan Pertanian, Projek Penanaman padi Junjungan 1 dan Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap, Yang Mulia Pengiran Datin Paduka Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri dan Yang Mulia Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos, Yang Mulia Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Kawasan tersebut berkeluasan kira-kira 200 hektar telah diusahakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Syarikat LNS dan mula menanam padi pada 7 Ogos 2010. Penanaman padi di kawasan ini dimajukan sepenuhnya dengan menggunakan mekanisasi dan penggunaan teknologi-teknologi tinggi yang terkini dalam penanaman padi dengan anggaran hasil pengeluaran sebanyak 2-3 tan metrik sehektar.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Peduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Pada 18 Julai 1993

"...negara mestilah mempunyai matlamat. Jika bidang perindustrian telah diteroka pertanian pun demikian juga, hendaklah diambil langkah lebih cepat. Kerana kita sama-sama menyedari bahawa ada masanya segenggam beras atau seikat ubi kayu itu, jauh lebih berharga daripada emas berbungkal dan wang berjuta."

MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA LAWAT LADANG DILANDA BANJIR

15 Disember 2010



Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta rombongan melawat kerosakan parit yang telah dibaiki sementara akibat kejadian banjir dan telah merosakkan tanaman padi

Akibat musibah banjir yang melanda beberapa hari sebelumnya ke atas beberapa buah ladang pertanian di Daerah Belait, pada 15 Disember 2010 lalu, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Setia Haji Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah meninjau ke tapak sawah padi, ternakan dan kebun sayur-sayuran di Mukim Labi, Daerah Belait.

Bagaimanapun, tidak terdapat kerosakan besar atau tergendala kegiatan pertanian di ladang-ladang berkenaan serta tidak menjejaskan pengeluaran produk-produk pertanian. Berbanding apa yang berlaku pada tahun lalu, situasi tahun ini agak minima dan tidak membimbangkan.

Menyentuh tentang kerosakan di sawah padi, Yang Berhormat Pehin menegaskan bahawa pelaksanaan secepatnya bagi pemasangan pembentung akan dilakukan dalam masa terdekat bagi memastikan pengaliran air yang sempurna akibat dari hujan dan air pasang di kawasan sawah padi Lot Sengkuang dan Rampayoh.



Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama meneliti tanaman padi yang rosak akibat kejadian banjir bersama dengan Pemangku Pengarah Pertanian dan Penolong Pengarah Pertanian, Ketua Bahagian Pembangunan Tanaman

Manakala ketika menyentuh tentang aduan-aduan dari para pengusaha sawah padi tentang kelemahan sistem pengairan dan kekurangan prasarana, Yang Berhormat Pehin Menteri menekankan bahawa kerajaan boleh membantu penyaliran bahagian luar, tetapi pemasangan permatang dan longkang bahagian dalam adalah tanggungjawab pengusaha sendiri sepertimana yang diterangkan di dalam perjanjian.

Rombongan Yang Berhormat Pehin Menteri turut membuat lawatan dan tinjauan ke kawasan ternakan dan kebun sayur-sayuran Syarikat Hua Ho Argiculture Farm. Mukim Labi menghasilkan kira-kira 87% pengeluaran padi bagi Daerah Belait dan juga dikenali sebagai kawasan paling banyak melakukan aktiviti pertanian.

ISTILAH PERTANIAN

AGRONOMI

Aberration – aberasi
 Aborted spikelet – malai terluruh
 Abortion (fruit/flower) – gugur
 Abscission layer – lapisan absisi
 Absolute drought – kemarau mutlak

Absolute growth - Pertumbuhan Mutlak
 Absolute growth rate - Kadar Pertumbuhan Mutlak
 Absorb - Serap
 Acarpous - Akarpus
 Acaulescent - Tidak Berbatang

EKSPRO PRODUK HALAL ANTARABANGSA BRUNEI 2010

Capai Kejayaan

6 Jun 2010



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan melawat ke pameran-pameran peserta di ekspo Produk Halal Antarabangsa 2010

Ekspo Produk Halal Antarabangsa Brunei 2010 yang telah ditutup secara rasmi pada 6 Jun 2010 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kejayaan seperti yang diharapkan.

Kayu ukur kepada kejayaan tersebut ialah peningkatan jumlah pengunjung iaitu seramai 53,797 orang, peningkatan sebanyak 30% berbanding pada ekspo yang sama tahun sebelumnya (30 ribu orang). Jumlah penyertaan syarikat-syarikat juga meningkat dengan ketara apabila lebih 200 petak pameran telah disewa (140 petak dari peserta tempatan, Thailand sebanyak 20 petak, Malaysia 27 petak, Singapura 10 petak, Indonesia 8 petak dan China 7 petak).

Terdapat juga negara-negara lain yang turut mengambil bahagian iaitu Filipina, Jepun, Yaman, Australia dan UAE, ini menandakan bahawa ekspo produk halal ini telah menjadi destinasi utama kepada para pengeluar, pengeksport, pengimport, pengedar, pembeli dan pengguna produk halal dari seluruh dunia.

Salah satu tujuan penganjurannya ialah menjadi pelantar penting bagi kerjasama antara sektor swasta dan awam membantu Negara Brunei Darussalam menerokai peluang yang besar di pasaran antarabangsa bagi produk halal serta memberi kesempatan kepada syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan menjalin hubungan dengan bakal-bakal rakan kongsi dari negara luar. Selain itu, para pengguna juga mendapat manfaat dari ekspo ini dengan program promosi yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang menyertainya.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Ekspo Produk Halal Antarabangsa Brunei 2010 turut menganjurkan Persidangan Pasaran Halal Antarabangsa (*International Halal Market Conference*) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pembentang-pembentang kertas-kerja dari negara-negara luar telah dijemput mengemukakan pandangan mereka dalam pelbagai aspek yang berkisar dengan industri makanan dan perkhidmatan halal antarabangsa, antaranya ialah Program Pembangunan Halal Kebangsaan di negara-negara Asia dan Program

Pembangunan Halal di Kawasan Penduduk Minoriti Islam di Eropah dan Australia.

Sejak ekspo ini dianjurkan buat beberapa tahun, beberapa inisiatif kebangsaan telah tercapai seperti Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005, Garis Panduan Pensijilan Halal dan Standard Makanan Halal Brunei Darussalam, Jenama Brunei Halal, Skim Insentif Pembangunan PKS Tempatan, Pusat Sains Halal dan Taman Agroteknologi Brunei.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia mendengar penjelasan daripada Mr Noel Shield, CEO Ghanim International Food Corporation mengenai produk makanan dan minuman jenama Brunei Halal

Turut berkenan berangkat menyaksikan pameran ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna



Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyaksikan bungkus beras Laila yang digunakan untuk dijual di pasaran tempatan



Orang ramai turut menyaksikan Chef Bobby Chin, selebriti pakar masak antarabangsa membuat demonstrasi memasak dengan menggunakan bahan-bahan makanan yang halal

BENKEL INDUSTRI HALAL BIMP-EAGA BERMULA DI BRUNEI DARUSSALAM

12 Julai 2010



Awg Abd Latif bin Haji Sani selaku Ketua Unit Perundingan dan Pelaburan Jenama Brunei Halal menyampaikan pengenalan industri halal di Negara Brunei Darussalam

Salah seorang pembentang kertas kajian dari Malaysia, Mohd Roslan bin Mohd Saludin, Setiausaha Majlis Penasihat Syariah QSR Brands



IHI Alliance dengan kerjasama German Society for Technical Cooperation (GTZ) menganjurkan Bengkel Industri Halal/Halal Industry Workshop (HIW) buat pertama kali di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam yang bermatlamat untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai industri halal dan peluang yang ada di dalamnya kepada para pengusaha di negara ini.

Bengkel tersebut telah berlangsung selama dua hari dari 12 – 13 Julai 2010 lalu dan disertai oleh lebih dari 20 peserta di mana bengkel tersebut adalah siri pertama dari empat siri kesemuanya yang akan dianjurkan untuk tahun ini di kesemua Negara anggota BIMP-EAGA iaitu Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina.

BIMP-EAGA yang telah dilancarkan pada tahun 1994, adalah kesepakatan ekonomi wilayah yang merangkumi keseluruhan Negara Brunei Darussalam, Kalimantan, Sulawesi, Maluku, Papua dan Papua di Indonesia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan di Malaysia dan Kepulauan Mindanao dan Kepulauan Palawan di Filipina.

Inisiatif yang dimainkan oleh IHI Alliance dan GTZ, sebuah syarikat antarabangsa yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan Jerman, bertepatan dengan pembentukan ICCI-IHI Alliance Halal Standards sewaktu Forum Halal Dunia Kali Ke-5 di Kuala Lumpur lalu. Sepanjang bengkel berjalan piawaian (standard)

tersebut telah memberikan garispandu yang diperlukan oleh industri berkenaan yang mensasarkan kepada pengeluaran ayam halal.

Bengkel tersebut telah mengundang empat orang pembentang kertas kajian dari Malaysia iaitu Darhim Hashim, CEO IHI Alliance; Prof. Dr. Zulkifli Idrus, Pengarah Pusat Pengurusan Kajian, Universiti Putra Malaysia; Mohd Roslan Mohd Saludin, Setiausaha Majlis Penasihat Syariah QSR Brands, pemilik KFC Holdings (Malaysia) Bhd; dan Dr. Azman Ngah, pakar berkelayakan DVM (Doctor of Veterinary Medicine) dan juga Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) Halal Park Management.

Melalui pengalaman dan kepakaran para pembentang dibidang masing-masing, mereka telah menekankan betapa pentingnya pendekatan yang holistik perlu diterapkan kepada produksi halal itu. Keseluruhan kitaran pembekalan dari pemberian makanan, penyediaan, kebajikan, penyembelihan, memproses dan pengangkutan mestilah dilakukan secara tuntas. Pada hari kedua bengkel, peserta telah berpeluang melihat proses pengeluaran ayam apabila dibawa melawat ke Golden Chick Farms Sdn. Bhd.



Dr Haji Hamzah/Amjah bin Haji Abd Rahman salah seorang wakil dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ketika sesi soal jawab



Gambar ramai peserta dan pembentang di bengkel tersebut



Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang melihat poster mengenai kawasan yang akan dimajukan sebagai Taman Tema Buah-buahan

MAJLIS KEMPEN PENANAMAN BUAH-BUAHAN ASLI TEMPATAN BAGI LADANG-LADANG KEMAJUAN PERTANIAN LUAR BANDAR (KPLB)

14 Julai 2010

Pada hari Khamis, 2 Syaaban 1431 bersamaan 14 Julai 2010 bertempat di Taman Mini Perayaan, Mukim Pengkalan Batu, Kampong Parit, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam telah dilangsungkan Majlis Kempen Penanaman Buah-Buahan Asli Tempatan Bagi Ladang-Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar, Setiausaha tetap I, Yang Mulia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap II, Yang Mulia Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pengarah Penerangan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta peladang-peladang buah dari ke empat-empat daerah.

Di majlis ini, Yang Berhormat Pehin juga telah menyampaikan anak-anak pokok benih buah-buahan kepada 16 orang Penghulu Mukim yang mewakili 46 buah ladang KPLB di seluruh negara dan seterusnya menanam pokok buah di kawasan Taman Mini Perayaan Kampong Parit, Mukim Pengkalan Batu.

Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) di seluruh negara mempunyai keluasan kira-kira 1,609 hektar dengan seramai 2,618 orang peladang. Bagaimanapun buat masa ini hanya 862 hektar sahaja yang diusahakan oleh 1,359 orang peladang. Oleh itu satu kempen telah diungkapkan yang bertujuan untuk mempromosi kepada orang ramai dan generasi baru mengenai peri mustahaknya memelihara pokok buah-buahan asli tempatan agar tidak pupus oleh arus kemajuan moden.



CERAMAH MOTIVASI KEUSAHAWANAN PERTANIAN SEMPENA PERAYAAN ULANG TAHUN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA KE-64 BAGI DAERAH TUTONG

24 Julai 2010

Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dyg Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah menyampaikan cenderahati kenangan kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awg Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu

Satu Majlis Ceramah Motivasi Keusahawanan Pertanian telah diadakan sempena Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-64 bagi Daerah Tutong.

Tetamu Kehormat dan seterusnya merasmikan majlis tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, Pemangku Pegawai Daerah Tutong. Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Petra Dato Paduka Haji Md Taha bin Haji Abd Rauf dan Orang Kaya Maha Bijaya Haji Osman bin Uking, Penolong-Penolong Pengarah, Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampong dan pengusaha pertanian di Daerah Tutong.

Pada tahun ini format pesta pertanian adalah berbeza

MAJLIS CERAMAH MOTIVASI KEUSAHAWANAN PERTANIAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM

29 Julai 2010

Para jemputan khas dan pegawai serta kakitangan Unit Kemajuan Pertanian Daerah Belait menghadiri Majlis Ceramah Motivasi Keusahawanan Pertanian bersama Ketua Unit Kemajuan Pertanian Daerah Belait, Awg Haji Latif bin Haji Ahmad (3 dari kanan)

Pada tahun ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengadakan Majlis Motivasi Keusahawanan Pertanian Dalam Perspektif Islam bagi memeriahkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke 64 bagi Daerah Belait.

Sejajar dengan perkembangan dan kemajuan industri pertanian dan agrimakanan di negara ini, Jabatan telah mengorak langkah untuk memajukan dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya

dari tahun-tahun lepas. Jika tahun sebelumnya lebih menjurus kepada Pesta Pertanian dan Buah-Buahan, pada tahun ini ianya lebih memfokus dan menjurus kepada majlis keilmuan disejajarkan dengan masa ianya berlangsung iaitu bulan Rejab dan Syaaban yang banyak berkahnya.

Penceramah yang diundang ialah Yang Mulia Ustaz Awang Haji Mail bin Besar, Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong dan Awang Hasnur bin Harun yang berceramah mengenai pembajaan tanaman.

Unit Kemajuan Pertanian Daerah Tutong juga mengambil kesempatan untuk menganugerahkan hadiah-hadiah kepada pihak swasta khususnya syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang telah berjaya menunjukkan prestasi yang baik di bidang masing-masing. Syarikat-syarikat tersebut juga menerima sijil penghargaan di samping sebuah tong perenjis yang disumbangkan oleh syarikat Asia Enterprise.



saing dalam semua sektor pertanian dan agrimakanan serta memupuk budaya keusahawanan dalam perspektif Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Adnan bin Pengiran Badaruddin, Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Kerja Raya Daerah Belait dan Tutong. Turut hadir ialah Yang Mulia Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pemangku

Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Awang Haji Latif bin Haji Ahmad, Ketua Unit Kemajuan Pertanian Daerah Belait yang juga selaku Pengerusi Majlis, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Penolong-Penolong Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Ketua-Ketua Cawangan, wakil Ketua Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Belait, pegawai-pegawai, Penghulu-Penghulu,

Ketua-Ketua Kampong dan para pengusaha pertanian di Daerah Belait.

Ceramah motivasi pada 29 Julai 2010 itu telah berlangsung di Dewan Rumah Persinggahan Kuala Belait dan disampaikan oleh Dr Andas Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah, Penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Majlis Menandatangani Perjanjian

PROJEK KONSULTANSI 1 September 2010



Kedua belah pihak dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bergambar bersama pihak daripada SQW China Ltd sejeurus selepas menandatangani dokumen perjanjian projek

Satu Majlis Menandatangani Perjanjian bagi projek 'Consultancy Project on Development of Food Processing Incubators for Local Food SMEs of Brunei Darussalam Phase 1' telah berlangsung pada 1 September 2010, bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan SQW China Limited sebuah syarikat dari Republik Rakyat China.

Menandatangani bagi pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah Pengarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri dan disaksikan oleh Penolong Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pengiran Hajah Rosidah binti Pengiran Haji Metussin. Sementara bagi pihak SQW China Limited diwakili oleh Pengarah Projek syarikat tersebut, Mr. Gary Ho dan disaksikan oleh Pengurus Projek, Mr. Jim Jessamine.

Objektif projek ini adalah melaksanakan kajian yang komprehensif bagi membantu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menubuhkan inkubator-inkubator pemprosesan makanan. Inkubator-inkubator ini akan membantu menghasilkan pengusaha-pengusaha pemprosesan agrimakanan tempatan dalam mengeluarkan dan memasarkan produk makanan

yang halal, berkualiti dan selamat bagi membolehkan menembusi pasaran tempatan dan global. Inkubator-inkubator ini juga akan memastikan pelaksanaan amalan perkilangan yang baik (*good manufacturing practices/GMP*) yang betul oleh para pengusaha makanan.

Antara skop tugas syarikat tersebut ialah membangunkan pelan induk (*master plan*) yang terperinci termasuk konsep rekabentuk untuk inkubator-inkubator pemprosesan makanan; menyediakan terma persetujuan untuk penggunaan inkubator-inkubator berkenaan; mencadangkan struktur pengurusan yang sesuai bagi menjalankan inkubator-inkubator berkenaan; dan menubuhkan keperluan-keperluan sumber tenaga manusia. Projek ini dijangka siap dalam masa 12 bulan.

Pada fasa pertama ini, empat buah inkubator pemprosesan makanan bagi sos, bakeri, minuman dan produk daging akan dibina di Taman Agroteknologi, Kg Tungku, Gadong. Taman tersebut adalah sebuah kawasan pembangunan baru yang dimajukan oleh pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebagai sebahagian dari strategi utama Kementerian berkenaan untuk membangunkan dan mempromosi industri-industri lain selain daripada industri minyak dan gas.

MAJLIS RAMAH MESRA

Hari Raya Aidilfitri Dan Muzakarah 30 September 2010



Pegawai dan Kakitangan Unit Kemajuan Pertanian Daerah Belait bersama rombongan dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan yang di ketuai oleh Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan Hajah Aidah binti Hj Mohd Hanifah

Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan Muzakarah Bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Daerah Belait telah diadakan pada 30 September 2010, bertempat di Restoran Seri Kandi, Kuala Belait.

Tetamu Kehormat pada majlis itu ialah Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah. Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Latif bin Haji Ahmad, Ketua Unit Kemajuan Pertanian Daerah Belait, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan jabatan dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Daerah Belait.

Adapun tujuan penganjuran majlis tersebut adalah untuk meningkatkan gandingan kerjasama dan setiakawan di antara pihak pengurusan di Daerah Belait dengan para pegawai dan kakitangan dari ibu pejabat. Di majlis itu juga mereka telah bertukar-tukar maklumat mengenai bidang tugas masing-masing di samping mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan bermaaf-maafan sempena sambutan hari raya aidilfitri yang mulia.



Pegawai dan kakitangan Unit Kemajuan Pertanian Daerah Belait bersalaman dengan Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan di majlis hari Raya dan Muzakarah yang dikendalikan oleh unit tersebut

Statistik Daerah Belait 2010

Daerah Belait telah berjaya mengeluarkan tanaman padi sejumlah 341 tan metrik dan sebahagian besar iaitu sebanyak 87% (297 tan metrik) telah disumbangkan oleh Mukim Labi dari keluasan tanah 231 hektar dan 234 orang pengusaha.

Dijangka ianya akan meningkat jika kawasan kemajuan pertanian Lot Sengkuang diusahakan sepenuhnya dalam masa beberapa tahun lagi yang berkeluasan 1,000 hektar yang mana 300 hektar telah diusahakan oleh penduduk kampung dan baki 700 hektar lagi akan dibuka untuk ladang padi komersil.

Lain-lain kawasan kemajuan pertanian yang bakal dibuka di Daerah Belait ini ialah di Labu Baru 260 hektar, Buau 1,000 hektar dan Kandol 600 hektar.

MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI DAN MAJLIS PERPISAHAN BEKAS PENGARAH JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN 2 Oktober 2010



Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah menyampaikan cenderahati kenangan kepada Hajah Normah Suria Hayati yang dinaikkan pangkat selaku Timbalan Setiausaha Tetap dan berpindah ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama turut diraikan di malam Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri



Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan selaku tetamu kehormat di majlis tersebut memberikan ucapan



Mantan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan seterusnya menerima album gambar kenang-kenangan yang memuatkan gambar-gambar beliau sepanjang bertugas di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Dalam ucapan beliau, tetamu kehormat mengucapkan tahniah kepada tetamu khas atas lantikan beliau sebagai Timbalan Setiausaha Tetap dan berharap pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh jabatan sepanjang perkhidmatan beliau akan dapat diterjemahkan demi memajukan sektor pertanian dan agrimakanan sebagai penyumbang penting kepada ekonomi Negara.

Mewakili kakitangan jabatan, tetamu kehormat mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih yang tidak terhingga atas bimbingan dan kepimpinan yang diberikan sepanjang tetamu khas menjadi ketua di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Beliau juga berharap ikatan silaturrahim sentiasa berpanjangan dan berdoa agar tetamu khas dapat memberikan kepimpinan yang berwibawa semasa bertugas di Kementerian.

Di samping itu, tetamu kehormat juga sempat menyentuh mengenai perkembangan terkini sektor pertanian dan agrimakanan di mana beliau mengingatkan bahawa peranan utama jabatan adalah untuk mendokong visi yang telah digarap untuk menuju 'ke arah agribisnis yang mapan berpandukan pasaran', dan ianya bukanlah untuk disebut sahaja malah diungkuhkan.



Persembahan dari kumpulan INTISHAR dari Bahagian Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar



Kumpulan AWWADI dari Bahagian Pembangunan Tanaman telah di nobatkan sebagai JOHAN di pertandingan lagu-lagu Dakwah antara Bahagian-Bahagian di malam tersebut.

Syawal adalah bulan yang penuh berkah dan bermanfaat. Bulan di mana semua umat Islam tidak mengira status mereka dalam masyarakat, akan merayakan kemenangan setelah sebulan penuh menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadhan. Syawal hadir sebagai bulan kemaafan, bulan kemenangan.

Oleh itu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menganjurkan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Bagi Pegawai dan Kakitangan serta diselenggarakan dengan Majlis Perpisahan Mantan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, pada 2 Oktober 2010 bertempat

di Dewan Simpung, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong.

Tetamu Kehormat pada majlis itu ialah Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan Tetamu Khas pula ialah Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, mantan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan yang telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



SAMBUTAN HARI PELADANG, PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN 2010

2 November 2010



Kumpulan peladang, petani, penternak dan nelayan membaca ikrar sebagai salah satu aturcara Pelancaran Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2010



Para peladang, petani, penternak dan nelayan mendaftar bagi menyertai forum dan pelancaran Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2011

bin Dato Paduka Haji Md Yunus hadir di majlis tersebut bersama-sama pegawai dan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Majlis yang sama juga berlangsung di Daerah Tutong, Belait dan Temburong bagi memohon keberkatan dan keredhaan dari Allah Yang Maha Esa agar segala usaha untuk memartabatkan industri pertanian dan agrimakanan di Negara Brunei Darussalam berjalan dengan lancar.

Adapun tujuan menganjurkan sambutan ini adalah untuk memberi penghormatan kepada para petani, peladang, penternak dan nelayan di negara ini atas sumbangan yang telah mereka berikan kepada menghasilkan makanan untuk rakyat dan penduduk negara ini. Sambutan tahun ini bertemakan 'Makanan Terjana, Negara Selamat' yang menggambarkan betapa pentingnya peranan peladang, petani, penternak dan nelayan itu kepada kehidupan masyarakat di negara ini.

Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan telah diisytiharkan dan akan disambut pada setiap 1hb. November oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 19 November 2009 yang lalu ketika Baginda berkenan merasmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009 dan melancarkan pembukaan Taman Agroteknologi Brunei di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku.

Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2010 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Negara Brunei Darussalam pada 25 Zulkaedah 1431H bersamaan 2 November 2010, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Bridex, Jerudong.

Sehari sebelumnya iaitu pada 24 Zulkaedah 1431H bersamaan 1 November 2010 bertempat di Masjid Kampong Limau Manis, Daerah Brunei dan Muara telah berlangsung Majlis Sembahyang Fardhu Maghrib dan Sunat Hajat, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran Sempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2010. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Negara Brunei Darussalam bersama Setiausaha Tetap, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Amin Liew bin Abdullah, Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Awang Md Riza

MALAM PENGHARGAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PELADANG, PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN 2010

6 November 2010



Penerima Anugerah Peladang, Petani dan Penternak BERJAYA 2010, Awang Haji Morshidi bin P.O.K Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Abd Rahman, Pemilik, Pengarah Urusan dan Pengerusi Kumpulan Syarikat-Syarikat Ideal menerima hadiah wang tunai \$5,000 tajaan Brunei LNG, piala iringan dan Sijil Penghargaan.

Anugerah Peladang, Petani dan Penternak Berdaya Maju – Yang Mulia Awang Haji Zainal bin Haji Safar, Pemilik dan Pengurus Syarikat Haji Zainal bin Haji Safar dan Keluarga menerima hadiah wang tunai \$4,000 tajaan Bank Islam Brunei Darussalam/BIBD, piala iringan dan Sijil Penghargaan.



Penerima Anugerah Peladang, Petani dan Penternak INNOVATIF 2010, Awg Liew Kim Chong.

Pada 29 Zulkaedah 1431H bersamaan 6 November 2010 (Sabtu) telah berlangsung Malam Penghargaan Sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2010. Hadir selaku Tetamu Kerhormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Negara Brunei Darussalam. Majlis telah berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Rizqun International, Kompleks Abd Razak, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Majlis, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai dan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan para jemputan yang terdiri dari kalangan para peladang, petani, penternak dan nelayan dari seluruh negara ini yang diraikan pada malam tersebut.

Anugerah-anugerah diberikan dengan hasrat untuk memberikan pengiktirafan ke atas usaha para peladang, petani, penternak dan nelayan, mengetengahkan dan memberi galakan serta memberi insentif kepada mereka sesuai dengan apa yang diusahakan oleh mereka.

Senarai para pemenang anugerah adalah seperti berikut:-

Anugerah Peladang, Petani dan Penternak Berjaya – Yang Mulia Haji Awang Morshidi bin P.O.K Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang



Penerima Anugerah Peladang, Petani dan Penternak BERDAYA MAJU 2010, Awang Haji Zainal bin Haji Safar.

Abd Rahman, Pemilik, Pengarah Urusan dan Pengerusi Kumpulan Syarikat-Syarikat Ideal menerima hadiah wang tunai \$5,000 tajaan Brunei LNG, piala iringan dan Sijil Penghargaan.

Anugerah Peladang, Petani dan Penternak Inovatif – Yang Mulia Awang Liew Kim Chong, Pemilik dan Pengurus Fui Cheong Farm menerima hadiah wang tunai \$3,000 tajaan Mitsubishi Corporation, piala iringan dan Sijil Penghargaan.

Anugerah Penternak dan Nelayan Berjaya – Yang Mulia Awang Chan Jeng Sun menerima hadiah wang tunai \$5,000 tajaan Brunei LNG, piala iringan dan Sijil Penghargaan.

Anugerah Penternak dan Nelayan Berdaya Maju – Yang Mulia Awang Haji Othman bin Haji Sunggoh dari syarikat S. Kota Sdn Bhd menerima hadiah wang tunai \$4,000 tajaan Bank Islam Brunei Darussalam/BIBD, piala iringan dan Sijil Penghargaan.

Anugerah Penternak dan Nelayan Inovatif – Yang Mulia Awang Haji Mahadi bin Haji Talik, Pemilik dan Pengurus Syarikat HT Enterprise menerima hadiah wang tunai \$3,000 tajaan Mitsubishi Corporation, piala iringan dan Sijil Penghargaan.

MAJLIS KEMPEN PENANAMAN BUAH-BUAHAN ASLI TEMPATAN BAGI LADANG-LADANG KEMAJUAN PERTANIAN LUAR BANDAR (KPLB) DI DAERAH BELAIT

20 November 2010



Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Tetamu Kehormat menanam sepohon pokok di Majlis Kempen Penanaman Pokok Buah-Buahan Asli Tempatan bagi Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar Daerah Belait yang diadakan di KPLB Pak Natu, Kampong Keluyoh Sungai Liang

Pada hari Sabtu, 14 Zulhijjah 1431 bersamaan 20 November 2010 bertempat di Kawasan Ladang KPLB Pak Natu, Keluyoh, Sungai Liang, Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam telah berlangsungnya Majlis Kempen Penanaman Buah-Buahan Asli Tempatan Bagi Ladang-Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam selaku Tetamu Kehormat.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri dan Yang Mulia Awang Haji Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunus, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Ahli Jawatankuasa Teknikal KPLB Daerah Belait serta peladang-peladang KPLB Daerah Belait.

Di antara tujuan kempen ini diadakan ialah untuk mempromosi dan memberi kesedaran kepada orang ramai dan generasi baru mengenai kepentingan pemuliharaan dan mempelbagaikan buah-buahan asli tempatan daripada pupus disebabkan kepesatan arus kemajuan negara dan pertambahan buah-buahan luar negara di pasaran tempatan.

Selain itu ianya juga bertujuan untuk meningkatkan hasil pengeluaran buah-buahan tempatan dan untuk itu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menyediakan pokok benih buah-buahan asli tempatan yang terpilih dan berkualiti tinggi untuk diagih-agihkan sebagai insentif kepada peladang-peladang KPLB di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Di majlis tersebut, penanaman pokok Durian Pulu telah dimulakan oleh Yang Berhormat Pehin dan diikuti oleh ahli-ahli yang hadir. Sebelum itu, Ketua Ladang KPLB Pak Natu telah menyampaikan penerangan ringkas mengenai latar belakang projek tersebut. Projek KPLB Pak Natu mempunyai keluasan 169 hektar dengan dianggotai seramai 121 orang ahli. Dari jumlah tersebut, lebih kurang 36 hektar dengan 45 orang peserta telah mengusahakan tanaman pokok buah-buahan seperti durian, cempedak, rambutan, pulasan, nangka dan lain-lain.

MAJLIS MERAIKAN PESERTA EKSPEDISI 'BRIDGING BRUNEI DARUSSALAM TO THE WORLD 2010'

30 November 2010

Dayang Norhayati binti Abu Bakar dan suaminya Awang Harun Kurt Eichbauer yang menamatkan ekspedisi 'Bridging Brunei Darussalam to the World 2010' telah diraikan dalam satu majlis sederhana pada 24 Muharram 1432H bersamaan 30 November 2010, bertempat di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Jenama Brunei Halal adalah di antara penaja bagi ekspedisi tersebut. Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan kepada sepasang suami-isteri yang tabah menempuh segala dugaan dan cabaran sepanjang perjalanan mereka mengelilingi dunia dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda yang mereka namakan sebagai 'JUMBO'. Ekspedisi mereka juga membawa kibaran bendera negara dan memberi sumbangan positif kepada usaha mempromosi dan memperkenalkan Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa khususnya di Negara-negara di mana mereka membuat persinggahan.

Selama ekspedisi itu, Dayang Norhayati bersama suaminya telah membawa nama Negara Brunei Darussalam meliputi laluan ke Negara-negara seperti Perancis, Sepanyol sehingga ke Maghribi dan sepanjang Barat Afrika hinggalah mereka sampai di Cape Town, Afrika Selatan. Selepas itu mereka meneruskan penjelajahan berkereta merentasi benua Amerika Selatan yang bermula di ibu negara Argentina, Buenos Aires. Dari sana mereka memandu 'Jumbo'



Dayang Norhayati menyerahkan kembali bendera Negara kepada Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama



Dayang Norhayati menerangkan gambar-gambar aktiviti pertanian dan pelancongan yang sempat beliau rakam sepanjang ekspedisi

merentasi beberapa negara seperti Chile dan Bolivia sebelum menyeberang ke Benua Amerika Utara iaitu dari Amerika Syarikat menuju Kanada dan seterusnya Alaska. Dari sana mereka menyeberang pula ke hemisfera selatan iaitu mengelilingi pulau Australia sebelum ke Kota Kinabalu, Sabah dan kembali ke Bandar Seri Begawan dengan selamat.

Tetamu Kehormat di majlis berkenaan ialah Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Bahagian, serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta tidak ketinggalan saudara-mara dan sahabat-handai Dayang Norhayati dan suaminya Awang Harun.

Di majlis tersebut juga, Dayang Norhayati mempersembahkan tayangan klip gambar-gambar yang sempat beliau rakam sepanjang pengembaraan beliau dan suami, ekspedisi merentas dunia sejauh 84,232km, yang mana memperlihatkan aktiviti-aktiviti pertanian, agrimakanan dan pelancongan daripada negara-negara yang mereka dilalui.

Bengkel Persijilan BRUNEI HALAL

14 Disember 2010



Pihak dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan sektor swasta bergambar setelah menghadiri Bengkel Pensijilan Brunei Halal

Jenama Brunei Halal kini menuju pasaran global. Semakin banyak syarikat-syarikat antarabangsa memohon untuk mendapatkan kelulusan 'Brunei Halal' untuk produk-produk keluaran mereka terutama sekali produk makanan.

Untuk memperkemas dan mengekalkan status sebagai persijilan halal yang berkualiti dan diterima pakai dengan baik maka dianjurkan Bengkel Persijilan Brunei Halal untuk kesemua pihak-pihak yang terlibat melaksanakannya iaitu pegawai-pegawai dari Majlis Ugama Islam Brunei, pegawai-pegawai teknikal, auditor, para penyelaras dan ahli-ahli perniagaan.

Bengkel tersebut telah berlangsung pada 14 Disember 2010 lalu dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Dalam ucapan perasmian, Yang Berhormat Pehin Menteri menerangkan bahawa tahun 2010 adalah

tempoh pembelajaran kepada semua yang terlibat dan tahun 2011 pula adalah masa untuk berkembang maju.

Tegas beliau selanjutnya, menjelang suku ke empat tahun 2011 dijangka kira-kira 120 hingga 150 produk baru akan memohon pengiktirafan terutama sekali produk makanan dan merupakan satu cabaran besar kepada jenama Brunei Halal.

"Cabaran yang kita hadapi ialah untuk mengekalkan tatacara kerja yang cekap, efektif, telus dan 'mesra pengguna'. Tatacara (*procedure*) mesti diterapkan disetiap urusan seperti permohonan, audit dan pengiktirafan, pemantauan, logistik, pembungkusan, pemasaran dan komunikasi," tambah Yang Berhormat Pehin lagi.

Bengkel sehari itu telah dihadiri oleh kesemua pihak yang terlibat (*stakeholders*) dalam urusan jenama Brunei Halal dan merupakan perkara penting dalam memberikan sumber tenaga manusia (modal insan) yang pakar, kerana jenama Brunei Halal dijangka akan menembusi pasaran luar seperti Eropah, Asia dan Amerika Syarikat bermula penghujung tahun 2011.

Majlis Penandatanganan Perjanjian Dengan Syarikat Australia

20 Disember 2010



Jabatan Pertanian dan Agrimakanan diwakili oleh Pemangku Pengarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dyg Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah dan Macro Consulting Group Pty Ltd diwakili oleh Pengarah Urusan Syarikat, Mr Colin Bunt.

Majlis menandatangani perjanjian bagi projek 'Consultancy Project for the Implementation of A Post Harvest Strategy for Fruit and Vegetables in Brunei Darussalam Phase 2' antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Macro Consulting Group Pty Ltd telah diadakan pada 20 Disember 2010 lalu, bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Menandatangani perjanjian bagi pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dyg Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, disaksikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pengiran Hajah Rosidah binti Pengiran Haji Metussin. Sementara bagi pihak Macro Consulting Group Pty Ltd diwakili oleh Pengarah Urusan, Mr. Colin Bunt dan disaksikan oleh Pengurus Kanan Pembangunan Perniagaan, Suruhanjaya Perdagangan Australia di Suruhanjaya Tinggi Australia di Brunei Darussalam, Mrs. Josie Abdullah.

Matlamat projek konsultan ini ialah untuk mengurangkan kerugian lepas-tuai (dari 19% kepada 10%) dan untuk memelihara mutu buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan melalui penggunaan sistem pengurusan dan pengendalian lepas-tuai yang efektif. Selain itu objektifnya adalah untuk meningkatkan penghasilan produk buah-buahan dan sayur-sayuran segar yang berkualiti termasuk yang diproses secara minima; penggunaan sistem-sistem pengurusan dan pengendalian lepas-tuai yang efektif disepanjang rangkaian perbekalan buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan; dan mempertingkatkan keupayaan

pemasaran sektor swasta dan prestasi keseluruhan industri buah-buahan dan sayur-sayuran.

Antara tugas pihak konsultan ialah mengenalpasti peralatan dan sistem lepas-tuai yang sesuai bagi keperluan pengusaha-pengusaha tempatan; untuk membantu dalam pembangunan dan pengenalan strategi-strategi Pengurusan Rangkaian Perbekalan (*Supply Chain Management*) di dalam industri buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan; untuk menyediakan senarai sistem dan bahan pembungkusan lepas-tuai; untuk membantu dalam membangunkan Gred Piawaian bagi buah-buahan dan sayur-sayuran segar; membangun tatacara pengenalan dan 'traceability' produk segar; dan melaksanakan kajian bagi menentukan rekabentuk model, prosedur proses dan pembungkusan produk yang diproses secara minima. Projek ini dijangka siap dalam masa 30 bulan.

Macro Consulting Group Pty Ltd adalah sebuah firma perunding antarabangsa yang beribu pejabat di Australia yang menawarkan khidmat dalam pelbagai bidang pengurusan pertanian dan agribisnes.



Wakil bersama saksi dari kedua belah pihak

BRUNEI: PENDIDIKAN UNTUK PENJENAMAAN DAN PEMASARAN ISLAM

29 Disember 2010



Kedua belah pihak dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Oxford Said Business School bergambar bersama Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama setelah menandatangani perjanjian dimeteraikan

Sektor swasta khususnya perusahaan kecil dan sederhana atau PKS tidak lama lagi akan dapat membangun potensi perniagaan mereka dalam industri halal yang sedang berkembang dengan pesat, dan bantuan untuk mempelbagai sumber ekonomi Negara dengan termeterainya perjanjian persefahaman dalam projek 'Kajian dan Pendidikan Untuk Penjenamaan dan Pemasaran Islam bagi Brunei Darussalam'.

Projek yang akan menempatkan Negara Brunei Darussalam di peta industri halal antarabangsa dan dapat menembusi pasaran yang mencabar itu. Sebagai tambahan, projek tersebut juga akan menyalurkan pengetahuan dan pemindahan kepakaran kepada rakyat Negara ini bagi jangkamasa panjang dalam industri halal.

Projek Fasa Pertama itu telah ditandatangani oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Oxford Said Business School, Universiti Oxford. Mewakili Kerajaan ialah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya, Menteri Perindustrian

dan Sumber-Sumber Utama telah menyaksikan majlis penandatanganan perjanjian tersebut. Menandatangani bagi pihak Kerajaan ialah Pemangku Pengarah, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, sementara bagi pihak Oxford Said Business School pula diwakili oleh Dr. Paul Temporal, Pengarah Projek dan Fellow Bersekutu universiti tersebut.

Antara bidang tugas projek tersebut ialah mengungkapahkan program latihan dalam teknik penjenamaan dan pemasaran; dan melakukan kajian dan pembangunan berkenaan projek khusus untuk keperluan negara.

Fokus utama projek ini pula ialah berkenaan penjenamaan dan pemasaran industri halal termasuk kajian pasaran halal, produk dan perkhidmatan-perkhidmatannya. Ini sangat bertepatan dengan masa depan industri halal negara seperti makanan, pertanian, farmasi, kajian untuk pasaran halal minoriti dan majoriti – peluang dan cabarannya. Melalui kajian ini Brunei mampu untuk membentuk jenama sendiri, menempatkan diri dan bersedia dengan efektif serta mengambil kesempatan dalam industri halal yang berkembang pesat ini. Projek dijangka siap dalam masa 12 bulan. Majlis mengambil tempat di salah sebuah hotel di ibu negara.

PROJEK JENAMA BRUNEI HALAL DAN PEMBENTUKAN LOGO HALAL BARU



Disediakan oleh:
Bahagian Jenama Brunei Halal

Poster menerangkan
kelebihan menggunakan
Jenama Brunei Halal



Projek jenama Brunei Halal merupakan salah satu daripada projek Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Projek ini adalah atas inisiatif dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan mendapat kerjasama yang mantap dari Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan.

Projek kerjasama ini adalah untuk mengkomersial dan mempromosikan produk halal di luar negara sejajar dengan usaha agresif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama negara-negara Islam lain untuk bergerak maju dalam membentuk ekonomi yang lebih bersaing dan berkekalan.

Melalui projek ini, Negara Brunei Darussalam telah bertekad untuk menjadi penggerak utama dalam jenama halal di peringkat antarabangsa, dari segi pengeluaran makanan halal dan sijil pengesahan halalnya. Ini bertujuan menyediakan makanan halal termasuk produk-produk yang bermutu 'premium' kepada umat Islam di seluruh dunia.

Di samping itu, projek ini adalah sebagai sasaran untuk menyumbang ke arah usaha-usaha oleh Negara-negara Islam untuk memastikan bahawa makanan yang dimakan oleh umat Islam terjamin kehalalannya. Objektif lain iaitu untuk menunaikan tanggungjawab fardhu kifayah negara dengan memudahkan keberadaan makanan halal bagi umat Islam di merata dunia.

Menurut perangkaan dunia, pasaran produk halal bernilai AS\$560 bilion secara keseluruhan dan nilai pasaran bagi sektor makanan pula ialah sekitar AS\$160

bilion. Permintaan terhadap pasaran halal dijangka meningkat berikutan meningkatnya jumlah penduduk dunia beragama Islam hingga mencecah hampir 2 bilion orang dari 57 buah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam. Peluang untuk menerokai pasaran makan halal ini amatlah besar dan Negara Brunei Darussalam telah pun mengorak langkah untuk menjadi penggerak utama dalam sektor ini.

Oleh yang demikian, projek ini telah menawarkan peluang pelaburan dalam dan luar negeri dan juga peluang usahasama (*joint venture*) dan pelaburan langsung luar negara (*foreign direct investment*). Sehubungan dengan itu, usahasama ini akan mengeratkan lagi hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara serantau.

Di antara usaha-usaha dalam menjayakan projek ini adalah seperti berikut;

- Mencipta logo halal baru
- Mewujudkan Piawai Brunei Darussalam dan garis panduan bagi makanan halal
- Penerbitan buku-buku fatwa sebagai rujukan umum
- Menyertai jerayawara dalam dan luar negara
- Mewujudkan tapak pelaburan, dan lain-lain



MENCIPTA LOGO HALAL BARU

Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Jenama Brunei Halal



Logo lama



Logo baru yang digunakan masa kini

Dengan sokongan Majlis Ugama Islam, salah satu inisiatif projek jenama Brunei Halal adalah mencipta semula logo halal. Tujuan utamanya ialah bagi memberikan imej komersial terhadap logo berkenaan bagi kegunaan dalam dan luar negara.

Atas persetujuan ahli-ahli jawatankuasa projek berkenaan, *Emerystudio Pty Ltd (Australia)* telah dilantik untuk melaksanakan penciptaan semula ini. Beberapa konsep rekabentuk telah dicadang dan dibentangkan.

Setelah membuat beberapa penilaian, persetujuan memilih satu logo yang canggih dan menepati kehendak Brunei Halal telah pun dicapai pada bulan Mei 2007. Logo tersebut telahpun disokong dan disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan logo tersebut telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk digunakan.

Antara aspek-aspek utama dalam penciptaan semula ini adalah seperti berikut;

- Pemilihan corak-corak geometri yang bersesuaian; yang mana corak-corak berkenaan diambil dari corak-corak yang terdapat di Masjid Jame' Asr Hassanal Bolkiah.
- Mencipta rekabentuk yang melambangkan kelslaman; yang mana rekabentuk berkenaan diilhamkan dari kubah Masjid Omar 'Ali Saifuddin.
- Pemilihan huruf yang bersifat kontemporari serta progresif untuk menampakkan kelainan dan keunikan.
- Pemilihan warna yang menunjukkan kontras antara penyampaian mesej dan latar belakang. Ini untuk memastikan logo berkenaan mudah dilihat serta dibaca.
- Secara keseluruhannya, logo halal ini hendaklah menyerlah serta jelas apabila produk-produk yang menggunakan logo berkenaan berada di pasaran.

PENGUATKUASAAN KUARANTIN TUMBUHAN PERTANIAN

Disediakan oleh:
Unit Kuarantin Tumbuhan
Bahagian Pembangunan Tanaman



Pemeriksaan secara rambang ke atas buah-buahan yang diimport

Pemeriksaan terhadap penggunaan penanda yang dikehendaki daripada negara pengeksporth



Pada tahun 2010, Negara Brunei Darussalam telah mengeluarkan sebanyak 87% sayur-sayuran tropika dan 26% buah-buahan tropika bagi menampung keperluan dan selebihnya masih lagi diimport. Selain daripada mengimport buah-buahan dan sayur-sayuran untuk bahan makanan, Negara Brunei Darussalam pada masa ini juga mengimport bahan-bahan tanaman dan lain-lain bahan input untuk kegunaan pertanian. Semasa proses pengimportan, ada kemungkinan penyakit tumbuhan, musuh perosak, rumpai liar dan mikro-organisma merbahaya masuk ke negara ini yang boleh mengakibatkan kerugian kepada penghasilan pertanian. Oleh yang demikian, ini boleh membawa impak negatif kepada keselamatan makanan dan ekonomi negara.

Melalui statistik dunia, dianggarkan lebih daripada 30% penurunan penghasilan pertanian adalah disebabkan oleh musuh perosak dan penyakit tumbuhan serta rumpai liar pada setiap tahun. Kemungkinan penyebab kerugian kepada penurunan penghasilan ini adalah melalui kemasukan musuh perosak dan penyakit tumbuhan melalui pengimportan. Pergerakan manusia dari satu negara ke negara lain, peningkatan dalam perdagangan dan pengangkutan moden akan mendedahkan negara ini kepada risiko tinggi terhadap musuh perosak dan penyakit tumbuhan yang dibawa masuk ke negara ini.

Untuk melindungi sektor pertanian daripada ancaman tersebut, langkah-langkah kuarantin didalam menangani proses pengimportan dan pergerakan / kemasukan orang ramai daripada negara luar adalah amat penting. Di dalam konteks ini, Negara Brunei Darussalam telah bertindak ke hadapan melalui usaha yang dibuat oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk memantapkan lagi polisi dan langkah-langkah tindakan kuarantin bagi mematuhi kehendak Konvensyen Pengawalan Tumbuhan Antarabangsa (*International Plant Protection Convention*).

Di bawah BAB 43, AKTA MUSUH PEROSAK PERTANIAN DAN TUMBUHAN YANG MERBAHAYA, Seksyen 24 (1) (f) edisi yang telah dikemaskini tahun 1984, Undang-Undang Brunei, Jabatan Pertanian

dan Agrimakanan melalui Unit Kuarantin Tumbuhan adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peraturan bagi mengawal kemasukan musuh dan penyakit tumbuhan merbahaya yang boleh mengakibatkan penjejasan terhadap sektor pertanian dengan mencegah, menghadkan atau mengawal pergerakan produk tanaman dan bahan tanaman seperti tumbuhan hidup, biji benih, umbisi, rizom, buah-buahan dan sayur-sayuran segar, baja organik dan lain-lain mikro-organisma hidup yang berfaedah.

Unit Kuarantin Tumbuhan mempunyai lapan (8) seksyen penguatkuasaan kawalan kemasukan (Lapangan Terbang Antarabangsa, Pelabuhan Muara, Feri Terminal Serasa, Kuala Lurah dan Putat di daerah Brunei Muara, Sungai Tujoh di Daerah Belait, Labu dan Puni di Daerah Temburong) di dalam negeri. Di samping itu, penguatkuasaan kuarantin ditingkatkan dengan penglibatan unit-unit lain seperti Unit Perlindungan Tanaman, Sains Tanah dan Nutrien Tanaman, Pembangunan Sayur-sayuran, Pembangunan Buah-buahan, Makmal Analisis Agrokimia dan CITES (Konvensyen Antarabangsa Perdagangan Tumbuhan dan Binatang Liar yang Terancam) di dalam Jabatan bagi mendapatkan komen teknikal dan pandangan semasa proses mengimport.

Untuk mencegah kemasukkan serangga perosak dan penyakit tumbuhan, semua bahan tanaman termasuk biji benih dan baja organik dan mikro-organisma hidup yang berfaedah yang diimport ke negara ini adalah tertakluk kepada peraturan seperti berikut:

1. Ditegah mengimport serangga perosak dan penyakit tumbuhan, mikro-organisma yang dikenalpasti berbahaya kepada pertanian dan kesihatan manusia;
2. Ditegah mengimport semua tumbuhan perumah kepada serangga dan penyakit tumbuhan yang merbahaya;
3. Ditegah mengimport tumbuhan tertentu dan/atau bahan tumbuhan perumah yang mana serangga perosak dan penyakit tumbuhan dikenalpasti adalah endemik di negara asal dan adalah berkepentingan secara ekonomi di Negara Brunei Darussalam;
4. Rawatan bagi tumbuhan dan bahan tumbuhan hendaklah dilakukan di negara asal sebelum diimport;
5. Semua tumbuhan dan bahan tumbuhan adalah tertakluk kepada pemeriksaan semasa tiba; dan
6. Tumbuh-tumbuhan dan bahan tumbuh-tumbuhan yang **DISYAKI** atau **DIDAPATI** mengandungi serangga perosak dan penyakit tumbuhan akan diberi rawatan atau dimusnahkan.

Selaras dengan itu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengadakan satu Piawai Prosedur Pengendalian (SOP) bagi pengimportan yang

perlu dipenuhi oleh para Pengimport:

1. Mendaftar sebagai Pengimport Komersial

Pengimport mestilah mendaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara 'online' melalui : <http://biz.bruneimipr.gov.bn/eMIPR>:

- i) Sebagai Pengimport Komersial
- ii) Memohon kebenaran Import (IP)

2. Kebenaran Import:

Orang awam yang berhasrat untuk membawa masuk ke negara ini, semua tumbuhan, hasil tumbuhan, bahan tanaman atau baja organik dan lain-lain organismatumbuhanhidupadalahdinasihatkan untuk memohon IP melalui 'online' seperti yang dinyatakan di atas. Jabatan ini akan mengeluarkan kebenaran mengimport IP dengan menyatakan jenis dan kuantiti komoditi yang diimport ke negara ini dengan syarat dan peraturan yang ditentukan dalam jangka waktu 3 hari waktu bekerja. Walaubagaimanapun Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berhak untuk merampas atau memusnahkan atau mengembalikan konsainan kepada pengirim/pengeksporth jika bahan yang diimport tidak mempunyai kebenaran import yang sah dan pengimport juga boleh didakwa di bawah peraturan dan undang-undang; dan

3. Sijil Fitosanitari (*Phytosanitary Certificate*)

Pengimport dikehendaki untuk menghadapkan sijil fitosanitari (PC) yang diperolehi daripada pengeluar PC yang diperakui di negara pengeksporth dengan menyatakan kaedah kesihatan tanaman dan rawatan yang diberikan seperti dikehendaki yang masih sah bagi tumbuhan, hasil tumbuhan, bahan tanaman atau sebarang bahagiannya dan baja organik serta mikro organisma tumbuhan hidup pada pintu masuk kawalan. PC ini hanya sah diperakui selama 14 hari daripada tarikh ianya dikeluarkan.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga mengeluarkan PC untuk mengeksporth tumbuh-tumbuhan, produk tumbuh-tumbuhan, bahan tanaman atau yang berkaitan dengannya dan baja organik serta mikro-organisma tumbuhan hidup mengikut keperluan daripada negara pengimport.

Penguatkuasaan ke atas Import Sayur-sayuran dan Buah-buahan

Sehingga kini, sayur-sayuran dan buah-buahan tropika dan temperat adalah diimport daripada negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Australia, Thailand, China dan lain-lain negeri. Sebanyak 7,762.3 tan metrik sayur-sayuran dan sebanyak 14,939.6 tan metrik buah-buahan telah diimport dalam tahun 2010.

Semua produk/komoditi yang hendak diimport

adalah tertakluk kepada penguatkuasaan Kuarantin tumbuhan sebelum kebenaran untuk membawa masuk dan jualan dilakukan supaya hanya produk yang berkualiti dan bebas daripada serangga perosak dan penyakit tumbuhan yang diimport. Kebenaran untuk mengimport buah-buahan dan sayur-sayuran daripada Malaysia (Sabah, Sarawak) hanya dibenarkan sebaik saja penerimaan penyerahan keterangan dan dokumen yang diperlukan seperti dikehendaki beserta keterangan penanda yang sah dikeluarkan oleh pihak FAMA Malaysia ada pada buah-buahan dan sayur-sayuran tersebut. Untuk produk / komoditi daripada lain-lain negara, pengimport dimestikan mendapatkan sijil kesihatan dari negara pengeksporth berkenaan.

Pemeriksaan dan penguatkuasaan yang dipertanggungjawab dilaksanakan bersama di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di setiap pos-pos kawalan masuk. Senarai komoditi yang ditegah untuk diimport adalah seperti dalam Rajah 1.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengimport hasil dan bahan komoditi tersebut, bolehlah mendapatkan keterangan yang lebih lanjut dengan menghubungi Unit Kuarantin Tumbuhan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Lapangan terbang Lama Berakas (Tel: 2388000 ataupun melayari lamanweb: <http://www.bruneimipr.gov.bn>)

KOMODITI	SEBAB-SEBAB LARANGAN
TANAH	Penyakit bawaan tanah, musuh perosak dan nematoda
SUKUN	Penyakit 'Pingalap'
LIMAU SPP (kecuali buah)	Penyakit 'Citrus Greening'
BIJI BENIH PADI	Penyakit bawaan biji benih



Kaunter pengendalian permohonan permit bagi tumbuhan dan ternakan di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

ISTILAH PERTANIAN

PERLINDUNGAN TANAMAN

Abiotic disease – penyakit abiotik
 Bacillus – basillus
 Cabbage gall-weevil – kumbang belalai puru kubis
 Dadant hive – sarang dandan
 Ear rot – busuk tongkol jagung

Facultative – aerob fakultatif
 Abnormal – abnormal
 Abscission – perluruhan
 Absconding swarm – kerumunan minggat
 Abutilon mosaic – mozek abutilon

KAWALAN KESELAMATAN MAKANAN

Disediakan oleh:

Dr Siti Romlah binti Haji Mohd Jais
Master of Veterinary Medicine
Ketua Unit Kuarantin Haiwan

Hajah Siti Raihani binti Haji Abd Hamid
MSc Food Technology Quality Assurance Option
Ketua Unit Kawalan Mutu Makanan

Hajah Rokiah binti Haji Omar
TEC in Laboratory Science and Laboratory
Administration
Ketua Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar

Maslina Yuliah binti Abdullah
MSc in Horticulture
Ketua Unit Kuarantin Tumbuhan

Hajah Hasinahwati binti Haji Hanafi
MSc in Analytical and Pharmaceutical Science
Ketua Unit Makmal Analisis Agrokimia



Mengkaji makanan dan minuman yang dijual negara ini untuk memastikan terjaminnya kualiti dan keselamatannya



Cecair daripada makanan yang sedang diuji kaji untuk dianalisa

Di samping menekankan peri mustahaknya jaminan sekuriti makanan negara (*national food security*), keselamatan makanan (*food safety*) merupakan satu isu yang amat diberi perhatian oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi setiap makanan yang dikeluarkan secara domestik mahupun yang didatangkan dari luar negara. Matlamat strategik ialah untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan negara melalui peningkatan tahap keupayaan dalam pengeluaran komoditi makanan termasuklah keupayaan yang menyumbang kepada jaminan mutu dan keselamatan makanan untuk kepentingan pengguna.

Secara holistiknya, usaha-usaha bagi menjamin sekuriti dan keselamatan makanan negara adalah memfokuskan ke arah peningkatan tahap pengeluaran komoditi tempatan yang kompetitif dan mapan; memastikan import yang terkawal bagi mengimbangi permintaan pasaran; memastikan harga pasaran yang berpatutan; memastikan pembekalan makanan yang mencukupi dan berterusan; memastikan mutu makanan berkhasiat dan selamat; dan menjurus ke arah mempelbagaian pembekalan bahan makanan bagi memenuhi citarasa pengguna.

Dari itu, usaha dan tindakan dalam menangani isu keselamatan makanan akan terus menjadi keutamaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

agar segala makanan yang dibekalkan kepada rakyat jelata adalah bermutu, berkhasiat dan selamat untuk dimakan. Di antara usaha-usaha Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tersebut, iaitu dari segi:

i). Pengeluaran Tanaman

- **Analisis makmal** dijalankan bagi mengetahui tahap sisa baki racun (*pesticide residue*) bagi sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan dan yang diimport dengan pengambilan sampel-sampel di semua pos-pos kawalan. Sampel-sampel tersebut akan dianalisa di Makmal Agrokimia, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Mana-mana sampel daripada pengusaha dan pengeluar sayur-sayuran dan buah-buahan yang didapati mengandungi sisa baki racun yang berlebihan akan diambil tindakan pembekuan sementara jualan mereka. Pembekuan ini dikuatkuasakan bermula daripada keputusan analisa diketahui.

- **Pengawasan perosak tanaman** yang efektif dengan menggunakan kawalan racun secara minima. Pengeluaran hasil tanam-tanaman boleh terjejas akibat serangan penyakit tanaman dan serangga perosak jika langkah-langkah kawalan tidak dilaksanakan. Bagi menangani masalah tersebut, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

telah dan akan sentiasa mengambil langkah-langkah yang tegas bagi memastikan hasil pengeluaran tidak akan terjejas akibat serangan perosak tanaman tersebut.

Langkah utama yang dilaksanakan ialah mempromosi dan menggalakkan pengawalan perosak tanaman melalui konsep Pengurusan Musuh Bersepadu atau 'Integrated Pest Management' [IPM]. Konsep IPM pada umumnya adalah penggunaan pelbagai kaedah kawalan yang bersesuaian dan praktikal yang digunakan untuk pengawalan serangan perosak tanaman ke atas tanaman yang tertentu dengan penggunaan racun kimia pada tahap yang paling minima. Konsep IPM ini akan terus dijadikan amalan dalam pengurusan perladangan sayur-sayuran dan buah-buahan di negara ini bagi membantu mempertingkatkan mutu dan hasil pengeluaran serta keselamatan ke tahap yang disasarkan.

- **Pengawasan import** bagi bahan pertanian dilaksanakan melalui peraturan di mana semua bahan-bahan pertanian yang hendak dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam dikehendaki mempunyai Kebenaran Import (IP). IP ini adalah satu cara yang berkesan bagi memastikan bahawa produk-produk yang diimport adalah daripada produk yang dibenarkan masuk melalui negara pengeksport yang dikenalpasti bebas daripada musuh perosak eksotik. IP juga dapat memastikan bahawa produk-produk yang diimport adalah dari pengeluar yang telah berdaftar dan dikenalpasti, contohnya produk-produk dari Negeri Sabah dan Sarawak.

ii). Pengeluaran Ternakan

Industri ternakan yang terdiri daripada perusahaan pengeluaran ayam pedaging, pengeluaran telur ayam, perusahaan ternakan ruminan (kerbau, lembu, kambing dan rusa) telah berkembang dengan baik. Usaha akan diteruskan bagi memperkukuhkan kedudukan negara sebagai sebuah negara yang bebas dari sebarang penyakit yang berjangkit yang mampu mencetuskan epidemik terhadap ternakan tempatan. Usaha mengawal dan mencegah giat dilakukan termasuk melaksanakan kerja-kerja pemantauan bagi H5N1 (selsema burung), penyuntikan terhadap ternakan ruminan bagi pencegahan FMD (penyakit kaki dan mulut) dan HS (penyakit hawar berdarah) serta penyakit-penyakit yang lain seluruh negara. Usaha juga dilakukan bagi mengisytiharkan kawasan bebas penyakit FMD dengan Pertubuhan dunia OIE. Di antara usaha-usaha tersebut termasuklah:

- Memantau ladang-ladang ternakan komersial

serta pengusaha kecil dan sederhana (PKS) bagi amalan perladangan yang baik dengan membantu memudahcara pengusaha untuk membangunkan program pengurusan seperti Amalan Pengurusan Ladang Yang Baik (GAHP) dan Amalan Kebersihan Yang Baik (GHP) di ladang-ladang ternakan. Program ini adalah juga bagi memastikan produk-produk makanan daripada hasil ladang-ladang ternakan di negara ini adalah selamat dan ianya bermula daripada pengurusan ladang yang baik.

- Memantau pusat-pusat pemprosesan makanan hasil ternakan dari segi Amalan Pengurusan Yang Baik (GMP) serta Amalan Kebersihan Yang Baik (GHP) dan membantu serta memudahcara pengusaha untuk membangunkan program pengurusan kualiti seperti Analisis Bahaya Titik Kawalan Genting (HACCP) termasuk Amalan Perkilangan Yang Baik (GMP), Amalan Kebersihan yang Baik (GHP) di pusat-pusat pemprosesan makanan. Pemantauan termasuk pengambilan sampel-sampel untuk dihantar ke Makmal Perkhidmatan Veterinar bagi analisa kebersihan premis-premis pemprosesan serta keselamatan produk-produk makanan hasil ternakan.
- Menyediakan perkhidmatan pemeriksaan daging di pusat-pusat penyembelihan serta loji-loji pemprosesan ayam iaitu sebelum (*antimortem*) dan selepas (*postmortem*) penyembelihan. Ini termasuklah menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis pusat-pusat penyembelihan serta loji-loji pemprosesan ayam bagi memastikan premis-premis tersebut beroperasi mengikut GMP dan GHP. Pengendalian pengambilan sampel produk ternakan serta pengambilan sampel daripada celitan (*swab*) juga dilaksanakan untuk dihantar ke Makmal Perkhidmatan Veterinar bagi tujuan jaminan keselamatan makanan.
- Mewujudkan piawai dan garis panduan keselamatan makanan tempatan selaras dengan piawai dan peraturan antarabangsa serta berkerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang lain dalam penguatkuasaan peraturan makanan, pengiktirafan sistem pengurusan kualiti dan memberi pendidikan kepada orang awam mengenai keselamatan makanan.
- Melaksanakan pemeriksaan pusat-pusat penyembelihan, loji-loji pemprosesan ayam dan tempat penyimpanan daging bagi syarikat-syarikat serta ladang-ladang PKS untuk membantu dalam memberikan pandangan teknikal bagi permohonan sijil penyembelihan halal serta permohonan tempat penyimpanan daging halal

tempatan yang dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

- Mengendalikan audit bagi pusat-pusat penyembelihan, loji-loji pemprosesan ayam dan pusat-pusat pemprosesan makanan hasil ternakan bagi penganugerahan dan pensijilan Logo Pemeriksaan Veterinar (*Veterinary Inspected Logo*) oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Syarikat yang mendapat penganugerahan dan pensijilan Logo Pemeriksaan Veterinar ini hendaklah memenuhi kehendak-kehendak dan garispandu yang telah disediakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Permohonan syarikat bagi Logo Pemeriksaan Veterinar ini adalah secara sukarela dan Logo ini hanya boleh digunakan selama setahun.
- Program pemantauan penyakit-penyakit ternakan di pusat-pusat penyembelihan dan loji-loji pemprosesan ayam, termasuk program pengambilan sampel-sampel bagi memantau penyakit-penyakit seperti penyakit sesesma burung (*Avian Influenza*), *Salmonellosis* dan sebagainya.
- Melaksanakan program pemantauan penyakit *Salmonellosis* di ladang-ladang komersil dan PKS bagi 'Program Salmonella Kebangsaan'. Sampel-sampel diambil mengikut jadual yang disediakan dan dihantar ke Makmal Perkhidmatan Veterinar untuk analisa lanjut.
- Perkhidmatan diagnosis juga dijalankan bagi mengesan dan mengenalpasti penyakit haiwan/ternakan untuk memudahkan usaha pengawalan dan pembasmian penyakit (bebas penyakit). Program-program yang dilaksanakan termasuklah:
 - Pemantauan Penyakit Selesesma Burung
 - Pemantauan *Flock Check* - Kelompok Ternakan Ayam
 - Pemantauan *Salmonella* Kebangsaan bagi Ternakan Ayam
 - Pemantauan FMD & HS
 - Pemantauan *Brucella*
 - Pemantauan Parasit
 - Pemantauan Perumahan Ternakan (Rumput/Fodder/ dan lain-lain)
- Perkhidmatan penganalisaan dilaksanakan bagi tujuan program kawalan kualiti hasil ternakan supaya terjamin bersih, berkualiti dan selamat sebelum diedarkan ke pasaran (tahap pencemaran mikrobiologi dan sisa/residu ubat-ubatan veterinar menurut piawai/garispandu antarabangsa):

- Analisis Mikrobiologi
- Analisis Residu Ubat-ubatan Veterinar
- Analisis Kualiti Fizikal dan Kimia

iii). Pengeluaran Agrimakanan

- Makmal Kawalan Mutu Makanan di Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan pada masa ini sedang menjalankan aktiviti-aktiviti bagi melaksanakan program-program jaminan dan kawalan kualiti untuk meningkatkan kualiti dan keselamatan produk-produk makanan tempatan. Di samping itu, makmal ini juga giat menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dari segi teknologi makanan seperti kimia makanan, mikrobiologi makanan dan penilaian deria.
- Makmal ini juga memberikan khidmat dokongan bagi analisa makanan, khidmat kepakaran, khidmat nasihat dan latihan dalam pelaksanaan program jaminan dan kawalan mutu bagi pengusaha makanan tempatan. Bantuan juga diberikan kepada pengusaha-pengusaha makanan tempatan dalam mempraktikkan GMP dan sistem keselamatan makanan HACCP melalui khidmat nasihat dan lawatan ke premis-premis.

HALATUJU

Di samping kerja-kerja kawalan yang rutin dan mengambil tindakan yang perlu, beberapa perancangan masa depan juga sangat giat diusahakan agar segala keputusan yang terhasil adalah tepat, jitu dan mengikut piawai yang ditetapkan.

Makmal-makmal yang terlibat kini berusaha memenuhi semua prasyarat untuk menuju ke arah akreditasi makmal ISO 17025 agar dapat diiktiraf di peringkat antarabangsa. Ini akan dapat membantu dalam meningkatkan lagi kualiti dan meluaskan lagi pasaran produk-produk tempatan. Pengiktirafan ini juga akan meningkatkan dan memantapkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) keselamatan makanan di makmal-makmal berkenaan.



Kakitangan makmal sedang menganalisa sampel makanan

TANAH KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP)



Disediakan oleh:
Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman
Bahagian Pembangunan Tanaman

Tanah adalah sumber yang sangat bernilai terutama bagi petani yang bergantung nafkah kehidupan melalui bercucuk tanam dan kesuburan bumi. Tanah juga adalah aset penting bagi menjana perekonomian negara terutama dalam menjayakan usaha Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mencapai wawasannya dan menjamin sekuriti makanan negara terutamanya dalam meningkatkan pengeluaran beras, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Jenis-Jenis Tanah

Pada tahun 2009, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mewartakan seluas 3,552 hektar tanah di Daerah Brunei Muara, 3,804 hektar di Daerah Tutong, 6,173 hektar di Daerah Belait dan 1,852 hektar di Daerah Temburong. Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah mengenalpasti jenis tanah yang berpotensi dan sesuai untuk dimajukan bagi aktiviti pertanian di seluruh Negara Brunei Darussalam dengan melaksanakan 'Reconnaissance Land Resources and Capability Survey' yang dikendalikan oleh *Hunting Technical Services Ltd*, pada tahun 1969.

Dari kajian ini, seluas 143,138 hektar tanah telah diklasifikasikan sebagai tanah yang sesuai untuk bercucuk tanam. Pada tahun 2006 -2008, kajian kesuburan tanah secara terperinci di 27 Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) dilaksanakan oleh pihak konsultan *Common Wealth Scientific and Industrial Research Institute (CSIRO), Land and Water, Australia*. Sepuluh jenis tanah utama yang terdapat di KKP dikenalpasti seperti berikut:-



Kawasan: Batumpu, Lumapas, Si Tukak (Limau Manis) & Labi Lama
Tanaman sesuai bagi tanah gambut <1 m dalam: Padi secara tradisi, sayur, nenas, tebu, pisang

Tanah Organik (Gambut)

Kawasan yang terdapat tanah organik adalah KKP Betumpu, Lumapas dan Si Tukak (Limau Manis) di Daerah Brunei Muara dan Labi Lama di Daerah Belait. Tanaman yang sesuai atau boleh ditanam adalah sayur-sayuran, rumput ternak dan kacang foder. Lain-lain jenis tanaman boleh ditanam adalah padi secara tradisi (jika tanah gambut <1 m dalam), nenas, tebu dan pisang. Pengurusan tanah yang diperlukan bagi tanah organik adalah menyediakan sistem saliran yang berkesan bagi mengurangkan masalah air bertakung, pembajaan makro-nutrien nitrogen (N), fosforus (P) dan kalium (K) dan najis ayam untuk meningkatkan mikro-nutrien tanah seperti zink (Zn) dan kupram (Cu) yang dikesan rendah di tanah jenis ini.

Tanah Putih

Kawasan yang terdapat tanah jenis ini adalah KKP Tungku di Daerah Brunei Muara dan Km 26, Jalan Labi, Belait. Tanaman yang boleh diusahakan di tanah putih bertekstur lom adalah sayur-sayuran, tembikai, kacang tanah, kacang hijau, jagung, halia, kunyit, ubi kayu dan ubi manis. Tanaman pokok buah-buahan seperti rambutan, limau dan sebagainya. Pengurusan tanah yang diperlukan bagi meningkatkan kesuburan tanah pasir adalah pembajaan organik 4 – 10t/hektar/tahun



Kawasan: Tungku, Telisai, KM 26
Tanaman sesuai: Tembikai, sayur-sayuran, kacang tanah, halia

bagi memperbaiki struktur tanah putih yang berpasir dan lain-lain baja bagi meningkatkan kesuburan tanah.

Liat Merekah

Kawasan KKP di Daerah Brunei Muara banyak terdapat tanah jenis ini iaitu di KKP Wasan, Si Tukak dan Limpaki.



Kawasan: Wasan, Si Tukak, Limpaki
Tanaman sesuai: Padi secara komersial

Tanaman yang sangat sesuai diusahakan bagi jenis tanah ini adalah padi. Pengurusan tanah yang diperlukan bagi tanah liat adalah pembajakan tanah untuk merosakkan struktur tanah sewaktu tanah dalam keadaan basah.



Kawasan: Tungulian, Melayan A, Km 26 Jln Labi
Tanaman sesuai: Pokok buah-buahan (rambutan, limau, pisang, kelapa dan lain-lain), sayur-sayuran, kekacang, ubi manis, kunyit dan lain-lain

Tanah Kuning Berbeza Tekstur

Tanah jenis ini banyak terdapat di Daerah Belait iaitu KKP Tungulian, Melayan A dan KM 26, Jalan Labi. Tanaman yang boleh ditanam adalah sayur-sayuran, kacang tanah, kacang hijau, jagung, halia, kunyit, ubi kayu dan ubi manis. Tanaman pokok buah-buahan seperti rambutan, limau, pisang, kelapa, betik, nenas dan sebagainya. Memandangkan tanah jenis ini bertekstur berpasir dan di bukit curam, pengurusan tanah diperlukan bagi mengelak masalah hakisan adalah bertanam menggunakan teres, mengekalkan tanaman penutup bumi dan menggunakan sungkupan.

Tanah Kuning Sangat Dalam



Kawasan: Birau, Kupang, Batang Mitus, Rampayoh, Tungulian, Selapon
Tanaman sesuai: Padi, Sayur-sayuran, buah-buahan (cempedak, rambutan, manggis dan lain-lain)

Kawasan yang terdapat jenis tanah ini adalah KKP Birau dan Batang Mitus, Daerah Tutong, KKP Rampayoh dan Tungulian, Daerah Belait dan Selapon, Daerah Temburong. Jenis tanaman yang sesuai diusahakan di tanah jenis ini bergantung kepada keadaan saliran tanah. Kawasan yang kurang saliran adalah sesuai untuk tanaman padi, sayur-sayuran, kacang tanah, kacang hijau, jagung, halia, kunyit, ubi kayu, ubi manis dan pokok buah manggis. Bagi kawasan yang bersaliran baik, tanaman yang boleh ditanam adalah pokok buah-buahan seperti durian, duku-langsar, cempedak, rambutan dan lain-lain pokok buah-buahan. Memandangkan tanah jenis ini kebanyakannya terdapat di kawasan bukit, pengurusan tanah diperlukan bagi mengelak masalah hakisan adalah bertanam menggunakan teres, mengekalkan tanaman penutup bumi dan menggunakan sungkupan.

Tanah Kuning

Kawasan yang terdapat tanah jenis ini adalah KKP

Sg. Tajau, Si Tukak, Luahan dan Tungku, di Daerah Brunei Muara, KKP Kupang, Maraburong, Padnunok, Batang Mitus dan Birau, di Daerah Tutong, KKP Tunggulian, di Daerah Belait dan Labu Estate, Bakarut dan Selapon, di Daerah Temburong. Tanaman yang boleh diusahakan adalah tanaman kekal seperti durian, nangka, rambutan, cempedak, tarap dan lain-lain. Memandangkan tanah jenis ini terdapat di kawasan bukit, pengurusan tanah diperlukan bagi mengelak masalah hakisan adalah bertanam menggunakan teres, mengekalkan tanaman penutup bumi dan menggunakan sungkupan.



Kawasan: Sg Tajau, Luahan, Tungku, Birau, Kupang, Batang Mitus, Labu Estate, Bakarut
Tanaman sesuai: Sayur-sayuran, buah-buahan (cempedak, rambutan dan lain-lain)

Tanah Coklat Di Atas Kelabu

Kawasan KKP yang terdapat tanah jenis ini adalah Sg.Tajau dan Luahan, di Daerah Brunei Muara, KKP Kupang, Maraburong, Padnunok, Batang Mitus dan Birau, di Daerah Tutong dan KKP Labu Estate dan Selapon di Daerah Temburong. Tanaman yang sesuai ditanam adalah tanaman padi, rumput ternak dan kekacang foder. Tanaman lain yang boleh ditanam adalah sayur-sayuran, kacang tanah, kacang hijau, jagung, halia, kunyit, ubi kayu dan ubi manis. Tanaman pokok buah-buahan rambutan, pisang, kelapa, cempedak, tarap, manggis dan sebagainya boleh ditanam di kawasan yang kurang bermasalah air bertakung. Pengurusan yang diperlukan untuk mengatasi masalah air bertakung adalah



Kawasan: Sg Tajau, Luahan, Birau, Padnunok, Maraburong, Batang Mitus, Selapon, Labu Estate
Tanaman sesuai: Padi, rumput ternak, sayur-sayuran, buah-buahan (rambutan, manggis dan lain-lain)

Kawasan: KKP Betumpu, Si Bongkok Parit Masin, Lumapas, Tungku dan Pengkalan Batu
Tanaman sesuai: Padi, sayur-sayuran, rumput ternak dan kekacang foder.



penyediaan sistem saliran yang berkesan, tanaman menggunakan batas atau busut.

Tanah Sulfurik

Tanah jenis ini banyak terdapat di KKP Betumpu, Si Bongkok Parit Masin, Lumapas, Tungku dan Pengkalan Batu di Daerah Brunei Muara. Tanah jenis ini adalah terlalu masam (pH <3.5) kerana lapisan pirit terlebih salir dan teroksidasi. Tanaman yang boleh diusahakan di tanah jenis ini adalah padi, sayur-sayuran, rumput ternak dan kekacang foder. Pengurusan tanah utama yang

diperlukan bagi tanah sulfurik adalah mengurangkan masalah kemasaman tanah dan keracunan tanaman menggunakan kapur, mengelakkan menggunakan



Kawasan: KKP Betumpu, Si Tukak, Si Bongkok Parit Masin, Lumapas, Limpaki, Tungku dan Pengkalan Batu dan KM 26, Jalan Labi
Tanaman sesuai: Padi, sayur-sayuran, rumput ternak dan kekacang foder.

tanah dari lapisan bawah untuk meninggikan batas dan pengawalan paras muka air dari pengoksidaan lapisan pirit berlanjutan.

Tanah Sulfidik

Tanah jenis ini banyak terdapat di KKP Betumpu, Si Tukak, Si Bongkok Parit Masin, Lumapas, Limpaki, Tungku dan Pengkalan Batu di Daerah Brunei Muara dan KM 26, Jln Labi, Daerah Belait. Tanah jenis ini adalah tidak terlalu masam (pH >3.5) kerana lapisan pirit tidak teroksidasi. Tanaman yang boleh diusahakan di tanah jenis ini

Jenis Tanaman	Kadar	Masa	Kaedah
Sayur-sayuran, nenas, tembikai, rumput ternak & padi	2 – 4 ton/ha/tahun	2 – 3 minggu sebelum bertanam	Kapur ditabur dan digaul dalam tanah sewaktu penyediaan dan pembajakan tanah
Betik dan pisang	200 – 500 gm/lubang/musim	2 –3 minggu sebelum bertanam	Kapur digaul dengan tanah dan masukkan kembali ke dalam lubang tanaman
Durian, cempedak, nangka, limau manis, rambutan dan sebagainya	1 - 2 kg/lubang	2 –3 minggu sebelum bertanam	Kapur ditabur disekitar kanopi pokok tanaman 2 minggu sebelum pembajaan.
	2 – 5 kg/pk/tahun (mengikut umur tanaman)	Peringkat membesar & berbuah.	

Khidmat Nasihat Kesuburan Tanah

Untuk memastikan pengurusan dan penggunaan kesuburan tanah secara mapan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat kesuburan tanah dan tanaman menerusi Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman yang dilengkapi dengan kemudahan makmal analisa kimia tanah. Di antara aktiviti unit ini termasuklah lawatan ke ladang-ladang bagi menilai kesesuaian kawasan dan tanah bagi pelbagai tanaman, memantau masalah kesuburan tanah dan nutrien tanaman menerusi pengambilan contoh tanah dan daun tanaman. Dengan tertubuhnya Makmal Analisa Tanah yang dilengkapi dengan peralatan yang terkini dan kakitangan teknikal yang terlatih, unit ini menganalisa kimia contoh tanah, daun dan air secara rutin bagi menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat kesuburan tanah dan nutrien tanaman kepada peladang. Perkhidmatan ini diberi secara percuma kepada peladang dan pengusaha yang kecil dan sederhana (PKS) yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Bagi pengusaha bertaraf komersial, perkhidmatan analisa kimia contoh tanah dikenakan bayaran.

adalah padi, sayur-sayuran, rumput ternak dan kekacang foder. Pengurusan tanah utama yang diperlukan bagi tanah sulfidik adalah mengurangkan masalah kemasaman tanah dan keracunan tanaman menggunakan kapur, mengelakkan menggunakan tanah dari lapisan bawah untuk meninggikan batas dan pengawalan paras muka air dari pengoksidaan lapisan pirit terjadi.



Kawasan: Si Bongkok, Parit Masin
Tanaman sesuai: Padi, pisang, nenas, tebu dan sayur-sayuran

Tanah Kelabu

Kawasan KKP yang terdapat tanah jenis ini adalah KKP Betumpu, Si Tukak, Si Bongkok, Lumapas, Limpaki di Daerah Brunei Muara. Tanaman yang sesuai ditanam di tanah jenis ini adalah tanaman padi, rumput ternak dan kekacang foder. Pengurusan yang diperlukan untuk mengatasi masalah air bertakung adalah penyediaan sistem saliran yang berkesan, tanaman menggunakan batas atau busut.

Masalah Kesuburan Tanah

Melalui kajian analisa kimia, masalah kesuburan tanah yang telah dikenalpasti di kawasan KKP adalah masalah tanah masam yang menyebabkan pertumbuhan tanaman terbantut disebabkan masalah keracunan aluminium dan mangan. pH tanah yang masam juga menjejaskan kewujudan dan penyerapan nutrien pada tanaman. Tanah masam mudah dikenalpasti melalui tumbuhan yang tumbuh di kawasan tersebut seperti rumput gajah (*Fimbristylis paniciflora*), purun (*Fimbristylis dichotoma*), tali juru (*Cyperus spp*), lamiding (*Stenochlaena palustris*), simpor (*Dillenia suffruticosa*) dan kuduk-kuduk (*Melastoma malabathricum*).

Masalah tanah masam mudah terjadi di negara ini disebabkan iklim khatulistiwa dengan suhu yang panas dan turunan hujan yang tinggi menyebabkan proses luluhhawa yang cepat dan melarutkan kation basa seperti kalsium, magnesium dan kalium. Di samping itu juga, masalah larutlesap nitrat, pemetikan hasil tanaman, pembajaan ammonium dan pengairan tanaman menggunakan air kolam yang masam juga menyumbang kepada masalah kemasaman tanah.

Bayaran Perkhidmatan Analisa Kimia Contoh Tanah

Bil	Jenis Analisis	Ekstraktant	Keadah	Harga/sampel(B\$)
A	Penyediaan sampel	-	Pengeringan dan saringan menerusi 2 mm ayak	10
B	Sampel analisis			
1	Kandungan air	-		6
2	pH	air		6
3	Kekonduksian Elektrik (EC)	air		6
4	Aluminium dan hydrogen boleh tukar	1N KCl		20
5	Organik Karbon	-		15
6	Jumlah Nitrogen	-		20
7	Fosforas tersedia	Brays		15
8	Kalium boleh tukar	Ammonium acetate	Flame emission	25 (for Ca, Mg, K & Na)
9	Sodium boleh tukar			
10	Kalsium boleh tukar	Ammonium acetate	Atomic absorption	
11	Magnesium boleh tukar			
12	Sulfur tersedia	air	Turbidometrik	15
13	Kandungan Boron dalam air	Air panas	Kolorimetrik	15
14	Zink tersedia	DTPA	Atomic absorption	15
15	Mangan tersedia	DTPA	Atomic absorption	15
16	Kupram tersedia	DTPA	Atomic absorption	15
17	Iron tersedia	DTPA	Atomic absorption	15

Kejadian geologi bumi negara ini yang kaya dengan bahan sulfidik menghasilkan tanah jenis asid Sulfat yang kebanyakannya terdapat di kawasan dataran aluvium. Tanah sulfurik mempunyai pH tanah < 3.5 disebabkan kemasaman asid sulfurik. Jenis tanah ini terdapat lapisan pirit di kedalaman yang berbeza mengikut kawasan dan apabila lapisan ini terdedah pada udara disebabkan aktiviti manusia atau dimusim kemarau panjang, proses pengoksidaan terjadi yang menghasilkan asid sulfurik dan menyebabkan tanah terlalu masam dan menjejaskan pertumbuhan tanaman.

Langkah utama yang perlu dilakukan untuk mengurangkan masalah tanah masam adalah mengapur tanah ke tahap pH yang optima iaitu pH 5.5 – 6.5. Anggaran kapur jenis dolomit atau kalsit yang diperlukan untuk mengurangkan kemasaman adalah seperti berikut:-

Pemantauan kesuburan tanah masam asid sulfat yang digunakan untuk sawah padi terdapat kadar iron yang amat tinggi dalam lingkungan 700 - 800 ppm. Kewujudan iron meningkat pada tanaman padi yang memerlukan tanah yang ditenggelami air melalui reaksi anaerob dan konsentrasi iron yang tinggi dalam larutan tanah. Penyerapan iron yang berlebihan menimbulkan masalah keracunan pada tanaman padi. Tanda-tanda tanaman padi yang keracunan iron adalah daun padi yang berbintik-bintik coklat bermula dari hujung dan merebak ke pangkal daun. Di peringkat keracunan iron yang melampau, semua permukaan daun akan kelihatan keunguan coklat yang diikuti dengan pengeringan daun, menyebabkan tanaman tampak seperti hangus. Masalah ini sering dihadapi diperingkat 1 - 2 minggu selepas memindah semaian, bersuli dan berbunga.

Masalah ini mudah dihadapi oleh padi baru diperkenalkan seperti padi Laila. Untuk mencegah masalah ini adalah penting untuk mengelak daripada mengganggu dan mendedahkan lapisan pirit yang terdapat di bawah lapisan tanah liat atau gambut semasa penyediaan dan pembajakan sawah sebelum bertanam.

Pengurusan sistem pengairan yang teratur diperlukan untuk menyalirkan air yang mengandungi iron keluar dari sawah sebelum bertanam dan diganti dengan air yang bersih setiap 3 – 4 hari. Pembajaan dan pengapuran tanah secara rutin bagi mengurangkan penyerapan iron oleh tanaman dan menanam varieti padi yang mempunyai daya tahan terhadap keracunan iron. Walau bagaimanapun, padi tempatan seperti pusu, bario dan adan mempunyai toleransi terhadap keracunan iron dan akan tetapi mempunyai kapasiti untuk penyerapan iron yang tinggi terutama jika kawasan sawah kurang subur tetapi jarang menunjukkan tanda-tanda keracunan pada daun tanaman.

Selain dari masalah di atas, masalah pengumpulan nutrien fosforus yang tinggi telah dikesan di KKP yang telah lama diusahakan. Masalah ini terjadi disebabkan pembajaan baja kompaun Nitrogen, Phosphorus and Potassium (NPK) yang mengandungi nutrien fosforus yang tinggi secara berterusan tanpa mengetahui keperluan tanaman secara tepat. Tanaman yang tumbuh di tanah yang mempunyai kandungan fosforus yang tinggi akan menghadapi masalah gangguan penyerapan mikro-nutrien seperti copper dan zink.

Untuk mengatasi masalah ini, dinasihatkan peladang

untuk menukar jenis baja kompaun NPK kepada jenis baja tunggal seperti urea dan *muriate of potash* (MOP) atau baja NPK yang rendah kandungan P seperti NPK 15:5:20. Baja *Christmas Island Rock Phosphate* (CIRP) atau *Triple Superphosphate* (TSP) tidak perlu digunakan setiap kali menukar jenis tanaman. Baja CIRP atau TSP hanya diperlukan untuk sekali pembajaan sahaja iaitu bagi kawasan yang baru diusahakan sahaja.

Masalah tinggi kandungan mikro-nutrien zink dan copper dalam contoh tanah dari ladang KKP dan persendirian yang telah lama diusahakan juga dikesan melalui penganalisaan kimia contoh tanah yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Mikro-nutrien yang tinggi boleh menjejaskan pertumbuhan tanaman disebabkan keracunan seperti daun sawi menguning diantara urat daun disebabkan keracunan zink dan copper.

Di samping itu, mikro-nutrien yang tinggi dalam tanah terutama bagi tanaman sayur tidak digalakkan kerana ditakuti diserap oleh tanaman dengan banyak dan menjejaskan kesihatan manusia memakannya. Untuk mengelak masalah ini berlanjutan, dinasihatkan peladang untuk mengurangkan pembajaan menggunakan najis ayam sebagai baja asas setiap kali menukar jenis tanaman. Pembajaan najis ayam dikurangkan ke kadar 8 - 10 kg/batas yang bersaiz 9 x 1.2m dan digunakan sekali bagi 2 - 3 musim tanaman sahaja untuk mengekalkan bahan organik dan mikro-nutrien tanah.

Salah satu amalan pertanian yang baik bagi pengurusan tanah yang mapan, peladang perlu memantau status kesuburan tanah dengan menghantar contoh-contoh tanah bagi perkhidmatan analisa kimia bagi mendapat

perkhidmatan khidmat nasihat yang lebih tepat bagi jenis tanah dan tanaman yang terdapat di ladang-ladang yang mereka diusahakan.

Penganalisaan kimia tanah juga akan mengesan kadar kewujudan nutrien atau keperluan baja bagi sesuatu kawasan mengikut jenis tanaman. Lanya juga bertujuan bagi mengesan masalah keracunan atau kekurangan nutrien sebelum menjejaskan pertumbuhan dan penghasilan tanaman, dan digunakan untuk merancang program pembajaan yang teratur dan menjimatkan penggunaan baja. Bagi kawasan yang baru diusahakan penganalisaan kimia contoh tanah diperlukan 6 – 8 minggu sebelum bertanam dan bagi ladang-ladang yang sudah lama diusahakan penganalisaan kimia tanah diperlukan setiap dua tahun sekali.

Contoh-contoh tanah boleh dihantar melalui Unit Kemajuan Pertanian Daerah atau dihantar terus ke Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei Kilanas. Pastikan contoh tanah disertakan dengan nama dan alamat peladang, jenis dan umur tanaman serta tarikh pengambilan contoh tanah. Informasi yang lengkap diperlukan untuk memudahkan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memberi maklum balas mengenai pengurusan kesuburan tanah yang diperlukan bagi meningkatkan hasil tanaman ke arah agribisnis yang mapan berpandukan pasaran dan menjamin sekuriti makanan Negara.

PERKHIDMATAN KESIHATAN HAIWAN DI BRUNEI DARUSSALAM



Klinik Haiwan Kesayangan di Kampung Terunjing menyediakan perkhidmatan ubat dan vaksin kepada binatang seperti kucing



Disediakan oleh:
Dr Diana Dennis
Doctor in Veterinary
Medicine (D.V.M)
Ketua Unit Perkhidmatan
Kesihatan Veterinar
Bahagian Ternakan dan
Perkhidmatan Veterinar

Perkhidmatan kesihatan haiwan di Negara Brunei Darussalam telah wujud sejak beberapa dekad yang lalu dan menjadi perkhidmatan yang utama diberikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di bawah Unit Perkhidmatan Kesihatan Veterinar, Bahagian Perkhidmatan Ternakan dan Veterinar. Selama ini, perkhidmatan kesihatan haiwan bertambah baik dan semakin maju dalam segi teknologi perkhidmatan ternakan haiwan bagi haiwan ternakan dan peliharaan. Untuk tujuan itu, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan termasuk rawatan di lapangan (*on-field*) dan

juga melalui rawatan di Klinik Haiwan Kesayangan di Kampung Terunjing. Rawatan di lapangan selalunya termasuk merawat haiwan ternakan industri seperti kambing, biri-biri, kerbau, lembu/sapi dan ternakan ayam/unggas.

Seperti yang telah diketahui, sebahagian besar hasil ternakan di negara ini adalah datangnya dari ternakan ayam dan hasil produk daripadanya. Bagaimanapun, beberapa penternak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memelihara secara pukal (merangkumi kesemua binatang ternakan). Sebagai contoh, ternakan kambing kini semakin popular dan ladang-ladang ternakan ini sudah pasti perlu mengunapakai Amalan Perladangan Yang Baik (*Good Animal Husbandry*). Maka di sinilah pentingnya perkhidmatan haiwan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Khidmat pakar veterinar dan perubatan diberikan secara percuma dengan tujuan untuk membantu para pengusaha mempertingkatkan pengeluaran ternakan yang sihat.

Rawatan yang diberikan termasuklah kaedah rawatan asas veterinar seperti pencegah cacing, pemberian vaksin atau membekalkan makanan tambahan; pemberian antibiotik jika berlakunya jangkitan atau penyakit-penyakit tertentu seperti cirit-birit, radang paru-paru dan jangkitan lain. Perkhidmatan kesihatan haiwan yang diberikan adalah termasuk perubatan dan pembedahan rutin/ringan jika diperlukan tertakluk kepada kepakaran yang ada. Kesemua rawatan veterinar bagi ternakan diberikan di ladang ternakan.

Dengan cara ini khidmat nasihat dapat diberikan secara terus kepada para pengusaha dan kakitangannya. Oleh kerana wabak penyakit haiwan ternakan selalunya berlaku di sekitar kawasan ladang maka khidmat nasihat di ladang ternakan menjadi faktor yang diambil berat dalam memberikan perkhidmatan kesihatan haiwan. Apabila ladang ternakan semakin bertambah maju dari segi pengurusan, penularan penyakit haiwan yang biasa berlaku dapat dihindarkan.

Selain dari perkhidmatan kepada haiwan industri ternakan, perkhidmatan kesihatan haiwan juga diberikan kepada haiwan peliharaan kesayangan melalui Klinik Haiwan Kesayangan. Perkhidmatan ini diberikan dengan bayaran minima iaitu \$1.00 untuk seekor haiwan (rawatan lanjutan adalah percuma) setiap kali rawatan termasuk kos ubat-ubatan dan khidmat pakar. Klinik tersebut dibuka setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu dari pukul 7.45 hingga 11.30 pagi.

Klinik tersebut juga menerima dan merawat apa sahaja haiwan peliharaan seperti pelbagai jenis burung,

haiwan reptilia, amphibian, arnab, hamster, guinea pigs dan kucing. Bagaimanapun, perkhidmatan klinik tidak termasuk anjing, hanya khidmat nasihat yang dapat diberikan melalui telefon atau konsultasi.

Secara dasarnya, klinik haiwan sangat komited dalam memberikan rawatan asas perubatan veterinar dengan memantau status kesihatan haiwan-haiwan berkenaan. Namun, klinik ini hanya memberikan perubatan asas veterinar termasuk pembedahan kecil bagi membantu pemilik haiwan peliharaan tersebut.

Klinik Haiwan Kesayangan ini juga memainkan peranan penting bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pemilik haiwan peliharaan untuk menghadkan jumlah haiwan peliharaan mereka dan membantu mengawal dari merebaknya jangkitan penyakit di kawasan mereka. Ini sejajar dengan tugas Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk menyedarkan akan bahaya 'penyakit zoonotic' (penyakit yang boleh merebak dari haiwan kepada manusia) yang mana menjadi kekusaran hingga ke peringkat global dewasa ini.

Unit Perkhidmatan Kesihatan Veterinar di bawah Bahagian Perkhidmatan Ternakan dan Veterinar, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memainkan peranan sebagai pemantau dan meningkatkan status kesihatan haiwan di negara ini. Untuk tujuan itu, unit ini berkerjasama dengan unit-unit lain di bawah Bahagian Perkhidmatan Ternakan dan Veterinar dan cawangan-cawangan daerah di seluruh negara.

Komitmen utama unit ini adalah memberi rawatan veterinar yang efektif bagi membantu mempertingkatkan tahap kesihatan haiwan yang terdapat di negara ini. Seperti yang diketahui, perkhidmatan rawatan veterinar tidak begitu terkenal dikalangan awam, tetapi kepada pencinta haiwan, pemilik dan penternak, perkhidmatan tersebut sangat mustahak untuk memastikan status kesihatan haiwan-haiwan mereka dalam keadaan yang memuaskan.

Dengan itu, Unit Perkhidmatan Kesihatan Veterinar ditubuhkan untuk mempromosikan pemeliharaan haiwan yang berhemah dan pengurusan haiwan yang baik, sama ada berskala kecil atau besar.



Rawatan bagi haiwan ternakan seperti kambing dibuat terus di ladang

KAJIAN PEMASARAN BAGI PRODUK PERTANIAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Disediakan oleh:
Unit Pengurusan Maklumat dan Pemasaran
Bahagian Pembangunan Agribisnes dan Kemajuan
Daerah



Di antara kategori makanan tempatan yang telah dikenalpasti dan mempunyai nilai komersial untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa

Tujuan kajian pemasaran ini adalah untuk meluaskan skop kefahaman pasaran dan mendapatkan 'market intelligence' bagi agrimakanan serta produk pertanian di Negara Brunei Darussalam. Dengan kajian pemasaran ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan boleh mengenalpasti produk yang berdaya saing dan mempunyai kelebihan untuk berjaya di pasaran tempatan mahupun global. Tambahan pula dengan adanya kajian pemasaran ini akan memudahkan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan membuat keputusan dan penilaian yang bersistematik bagi produk yang sesuai untuk dieksploitasikan kepada hasil pengeluaran komersial dan pemprosesan di Negara Brunei Darussalam.

Kajian pemasaran terhadap produk pertanian ini memerlukan pelaksanaan projek sebanyak lima peringkat seperti berikut;

1. Menenalpasti potensi produk
2. Menyenaraikan produk mengikut keutamaan
3. Pelaksanaan 'feasibility study' terhadap pasaran
4. Merancang pemasaran
5. Menyediakan maklumat pasaran untuk setiap peluang pakej pelaburan yang berpotensi

Hasil-hasil dari projek ini ialah;

1. Memberi akses kepada maklumat pasaran yang tersedia, terkini dan relevan bagi produk yang berpotensi untuk dikembangkan sebagai bahan eksport.
2. Produk yang mempunyai potensi komersial dapat dikenalpasti dan disusun mengikut kriteria (ranking) bagi menghasilkan produk yang boleh mendatangkan keuntungan.

3. Maklumat pasaran yang menyeluruh dijadikan pakej promosi pelaburan yang mana akan menjadi alat bagi membuat keputusan (*decision making*) kepada bakal pelabur.

Pakej maklumat akan disediakan dalam 20 jilid (*volume*) laporan berasingan yang mengandungi butiran maklumat berhubung setiap peluang perniagaan termasuklah;

- Manfaat yang akan diperoleh (*potential benefit*)
- Risiko yang bakal dihadapi (*accompanying risk*) dan
- Tatacara tindakan yang disyorkan untuk bakal pelabur (*recommended action for prospective investors*)

Pada peringkat pertama projek, kajian telah dibuat terhadap perniagaan, ekonomi, sosial dan teknologi bagi mengenal pasti produk-produk agrimakanan serta pertanian yang sesuai untuk pasaran domestik dan global.

Pada masa yang sama, menyediakan senarai produk-produk pertanian yang berpotensi sesuai dengan pasaran dan keadaan di Negara Brunei Darussalam.

Pada peringkat kedua pula, penilaian dilakukan bagi senarai produk-produk yang berpotensi dan diberi keutamaan untuk membuat penyelidikan seterusnya.

Pada masa ini, kajian pemasaran bagi produk-produk pertanian dan agrimakanan telah memasuki fasa ketiga iaitu pelaksanaan 'feasibility study' pasaran.

PENKULTURAN EKSPLAN NENAS YANG BERJAYA DIBIAKKAN

Disediakan oleh:
Unit Bioteknologi Tumbuhan
Bahagian Pembangunan Tanaman



Contoh nenas tempatan

Makmal Kultur Tisu, Unit Bioteknologi melalui kaedah kultur tisu telah berjaya membiakkan dan menggandakan benih-benih tanaman yang berkualiti, seiras, seragam dan bebas penyakit serta virus sebagai bahan tanaman yang dibekalkan kepada pengusaha dan orang ramai.

Setakat ini penggandaan nenas sedang giat dijalankan di peringkat makmal yang mana pada peringkat awal pengkulturan ianya dibiakkan menggunakan 'slip' dan 'crown' sebagai eksplan.

Sedikit masa lagi orang ramai boleh mendapatkan anak benih nenas hasil kultur tisu seperti Nenas Josapine, Paun dan Madu sebagai bahan tanaman.



HARGA SUBSIDI INSENTIF PERTANIAN



Pembelian padi daripada pengusaha berharga \$1.60/kg



Di antara jenis-jenis jentera yang disediakan dengan harga bantuan subsidi

HARGA BANTUAN ANTI PARASIT DAN UBAT LUKA BAGI BINATANG TERNAKAN BIL:08/2011

Bil	Jenis Anti Parasit/Ubat Luka	Harga Bantuan
1	Cydectin Pour-On (Parasiticides)	\$67.40/botol
2	Cetrigen Spray (Ubat Luka)	\$16.40/botol

HARGA BANTUAN BAGI MESIN 'PADDY COMBINE HARVESTER' BIL:13/2010

Bil	Jenis Mesin	Harga Bantuan
1	'Paddy Combine Harvester' – Model DC-68G Kubota V2403DI-T	\$35,000.00/unit

HARGA BANTUAN BAGI PENGERING PADI BIL:12/2010

Bil	Jenis Mesin/Capacity Ventilation	Harga Bantuan
1	1-2mt Ventilation Dryer	\$3,750.00/unit
2	3-4mt Ventilation Dryer	\$7,150.00/unit
3	5-6mt Ventilation Dryer	\$8,800.00/unit

HARGA JUALAN BAJA KAPOR (CALCIUM CARBONATE)

Bil	Jenis	Harga Bantuan
1	Baja Kapor (calcium carbonate)	\$3.00/bag (50kg)

Salah satu jenis baja yang diberikan harga bantuan



Mesin kegunaan aktiviti pertanian



HARGA JUALAN JENTERA FODDER CHOPPER

Bil	Jenis Mesin	Harga Bantuan
1	Jentera Fodder Chopper 'Yanmar TF70 Diesel Engine Mounted on a Skid' – Model Star SFC 1440	\$3,815.00/unit

KADAR HARGA BANTUAN PERKHIDMATAN JENTERA PEMBAJAK

Bil	Jenis Bantuan	Harga Bantuan
1	Jentera Pembajak Jenis Traktor	\$100.00/ha
2	Jentera Penanam Padi (Transplanter)	\$100.00/ha
3	Jentera Pembajak Jenis Power Tiller	\$70.00/ha

HARGA JUALAN BERAS TERMASUK PEMBUNGKUSAN DAN BENIH PADI

Bil	Jenis	Kuantiti	Harga Bantuan
1	Beras Laila berserta pembungkusan guni/plstik	10 Kg/Beg	\$12.00
2	Beras Laila berserta pembungkusan guni/plastik	5 Kg/Beg	\$6.00
3	Beras Laila berserta pembungkusan guni/plastik	1 Kg/Beg	\$1.20
4	Beras laila berserta pembungkusan guni/plastik	0.5 Kg/Beg	\$0.60
5	Benih Padi	1 Kg	\$1.60



Mesin-mesin bagi perusahaan padi

Untuk keterangan lanjut atau mendapatkan maklumat berkenaan tawaran harga subsidi di atas, awda bolehlah menghubungi;

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Lapangan Terbang Lama Berakas
BB3510 Tel: +673 2388000**

KHIDMAT DOKONGAN UNIT LEPAS TUAI DAN TEKNOLOGI MAKANAN


Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Agrimakanan

Salah satu peranan Bahagian Pembangunan Agrimakanan di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah membangunkan teknologi dalam pengendalian dan pengeluaran makanan dan hasil pertanian yang halal, berkualiti dan selamat, mesra alam dan berpandukan pasaran. Selain daripada itu, Bahagian Pembangunan Agrimakanan juga membantu membangunkan industri-industri agrimakanan tempatan dengan menyediakan khidmat nasihat, konsultasi, perkhidmatan teknikal dan pemindahan teknologi kepada peladang dan pengusaha di dalam bidang teknologi lepas tuai dan agrimakanan.

Di samping itu, Bahagian Pembangunan Agrimakanan melalui Unit Kemajuan Industri Agrimakanan (UKIAM) berfungsi untuk mengumpul dan menganalisa status kemajuan industri agrimakanan di Negara Brunei Darussalam. Industri agrimakanan terdiri daripada produk kategori biskut dan bakeri, makanan tradisi, minuman, snek, produk hasilan daging, produk hasilan kacang soya, mee, acar dan jeruk, sos dan perisa, dan lain-lain lagi.

Pada tahun 2010, data produk tambah nilai yang telah dikumpul daripada 208 pengusaha agrimakanan di seluruh daerah, industri agrimakanan terdiri daripada 25% biskut dan bakeri, 25% makanan tradisi, 17% snek, 8% produk hasilan daging, 6% sos dan perisa, produk hasilan ikan dan minuman masing-masing sebanyak 4%, 3% rempah ratus dan 2% mee. Manakala produk hasilan kacang soya, acar dan jeruk dan ais krim masing-masing sebanyak 1%. Lain-lain produk, seperti jem, kordial, produk tenusu, sagu, serbok kopi dan teh dan produk kecantikan dan kesihatan, semuanya merangkumi sebanyak 1%.

INDUSTRI AGRIMAKANAN 2010




Statistik industri agrimakanan pada tahun 2010

Diantara khidmat-khidmat dokongan yang terdapat dalam makmal-makmal bahagian ini adalah seperti:

1. Makmal Analisis Agrokimia

Makmal ini menjalankan penganalisaan sisa baki racun kimia ke atas sayur-sayuran dan buah-buahan. Ianya juga mengawal dan mengeluarkan sijil import racun kimia, memantau kemasukkan import baja inorganik dan racun kimia ke Negara Brunei Darussalam.



Jumlah sampel yang diterima oleh Makmal Analisis Agrokimia dari tahun 2007 hingga 2010



Analisa makmal dijalankan menggunakan mesin bagi mengetahui kandungan sisa baki racun kimia pertanian dalam hasil pertanian (sayur-sayuran dan buah-buahan) keluaran Domestik dan Import bagi menyumbang ke arah keselamatan makanan

2. Makmal-Makmal di Unit Kawalan Mutu Makanan

Makmal-makmal di bawah UKMM menyediakan perkhidmatan dokongan (khidmat analisis makanan bagi tujuan kawalan kualiti dan keselamatan makanan, membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) membangunkan program amalan perkilangan yang baik (GMP) dan sistem keselamatan makanan – Analisis Bahaya Titik Kawalan Kritikal (HACCP) melalui khidmat nasihat dan lawatan ke premis pemprosesan makanan.




Antara perkhidmatan makmal yang ditawarkan:

- **Analisa fizikal** Seperti pH, ujian tekstur, jumlah pepejal larut (^obrix), dan lain-lain.
- **Analisa kimia** Komposisi Nutrien Makanan untuk Pelabelan seperti, kandungan air, protein, jumlah lemak, jumlah abu, serat pemakanan, mineral, dan lain-lain.
- **Analisa mikrobiologi** Jumlah hitungan plat, hitungan Coliform, E.coli, S. aureus, Salmonella spp., Clostridium spp., Listeria spp., bakteria asid laktik, hitungan yis dan kulat, dan ujian kesterilan komersial.
- **Kajian penentuan tarikh mansuh** Dengan menjalankan ujian fizikal, mikrobiologi dan penilaian deria.
- **Penilaian deria** Menjalankan kajiselidik penerimaan pengguna dan *Triangle test*.



Analisa makmal dijalankan menggunakan mesin bagi mengetahui Kelembapan di dalam sampel makanan



Jumlah sampel yang diterima oleh Makmal-Makmal dibawah Unit Kawalan Mutu Makanan dari tahun 2007 hingga 2010

KAJISELIDIK AWAL DAN KOLEKSI TUMBUHAN - TASIK MERIMBUN

Disediakan oleh:
Unit Bioteknologi Tumbuhan
Bahagian Pembangunan Tanaman



Pencaman dilakukan oleh 2 orang kakitangan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan



Tumbuhan-tumbuhan yang telah dikenalpasti diberi label (coding) mengikut komoditi tumbuhan



Tumbuhan yang diambil untuk Koleksi Herbarium

konservatorium spesies tumbuhan secara *in-situ* dan *ex-situ*.

➤ Projek kajian ini juga akan membantu meningkatkan pengwujudan sistem pemuliharaan spesies tumbuhan daripada kepupusan dan menjadikan negara ini kaya dengan sumber maklumat mengenai spesies-spesies tumbuhan dan mempunyai koleksi yang berkekalan.

➤ Aktiviti-aktiviti projek kajian termasuk membuat kajiselidik tumbuh-tumbuhan di kawasan hutan berdekatan tasik, mengenalpasti/membuat pengecaman botanikal spesies tumbuhan, menyenaraikan keluarga tumbuhan: tanaman perubatan, buah-buahan, sayur-sayuran asli dan tanaman hiasan, mengawet bahan-bahan koleksi, mengendalikan koleksi secara *in-situ* dan *ex-situ*, dan mendokumentasikan hasil kajiselidik.

➤ Hasil kajian mendapati sebanyak 110 spesies tumbuhan di kawasan tersebut yang mana 66 spesies tumbuhan telah dikenalpasti dan ada di dalam rekod Jabatan, manakala 44 spesies baru ditemui dan belum dikenalpasti secara saintifik tetapi sebahagiannya dapat dikenali dengan nama tempatan (memerlukan rujukan lanjut).

Matlamat projek ini ialah untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak Jabatan seperti:

- penubuhan *arboretum* buah-buahan
- taman konservatorium tanaman ubatan secara *ex-situ*
- koleksi janaplasm sayur-sayuran asli tempatan
- koleksi spesies tanaman orkid tempatan/hibrid dan paku pakis

Sejajar dengan pelaksanaan projek ini Jabatan akan dapat mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti tersebut di atas sekaligus mempergunakan sumber biodiversiti ke arah pembangunan dan kepelbagaian ekonomi.

➤ Objektif utama projek kajian ini adalah untuk mengenalpasti spesies-spesies tumbuhan yang berpotensi di kawasan Tasik Merimbun, disamping mewujudkan koleksi kepelbagaian sumber genetik sebagai bahan rujukan dan kajian. Projek ini juga akan dapat menambah janaplasm dan

ISTILAH PERTANIAN

SAINS TANAH

A horizon – horizon A
AASHTO classification – klasifikasi AASHTO
Abandoned land – tanah terbiar
ABC soil – tanah ABC
Abointic enzyme – enzim abion

Abney's level – alat aras abney
Abrasion pH – pH lelasan
Abrasion test – ujian lelasan
Abrupt textural change – perubahan tekstur mendadak
AC profile – profil AC


JUMLAH SPESIS TUMBUHAN YANG BERPOTENSI DI KAWASAN TASIK MERIMBUN

Bil	Jenis tumbuhan	Spesis dikenalpasti	Spesis yang baru ditemui	Jumlah spesis
1	Tumbuhan ubatan	20	17	37 spesis
2	Tumbuhan hiasan	26	9	35 spesis
3	Cendawan	17	11	28 spesis
4	Buah-buahan asli/liar	2	7	9 spesis
5	Sayur-sayuran asli/liar	1	-	1 spesis
Jumlah		66	44	110 spesis

JUMLAH KESELURUHAN TUMBUHAN YANG DITEMUI

Bil	Jenis tumbuhan	Jumlah tumbuhan dan cendawan
1	Tumbuhan ubatan	2068
2	Tumbuhan hiasan	1887
3	Buah-buahan asli/liar	91
4	Cendawan asli	29
5	Sayur-sayuran asli/liar	27
Jumlah keseluruhan		4102

PERBANDINGAN JUMLAH SPESIS DIKENALI DENGAN YANG BARU DIKENALI



- Spesis dan populasi tumbuhan yang lebih dominan adalah tumbuhan perubatan seperti; pohon silat (*Licuala grandis*) yang mana mengandungi unsur perubatan yang dapat meningkatkan kesuburan dan mengubati sakit perut.
- Kedua dominan adalah tanaman hiasan, diikuti dengan tumbuhan cendawan yang tidak boleh dimakan, buah-buahan asli/ liar seperti kemanggis (*nephelium spp*) dan sayur-sayuran asli.
- Kesimpulannya, kawasan disekitar Tasik Merimbun memang kaya dengan tumbuhan yang berunsur perubatan dan kawasan ini memang diperakui sebagai khazanah sumber genetik dan wajar dilindungi. Spesis-spesis yang telah dikenalpasti boleh digunakan sebagai rujukan para pengkaji dan kajian lanjut berhubung dengan tumbuhan yang berpotensi untuk dikembangmajukan.